LPP(B) 5/6 Jld.8 (06)
05 Mac 2018

# ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG
# BIL 2 TAHUN 2018
# TEKS SAHIH
# PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK); PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN); PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS).

## 1. TUJUAN

1.1 Arahan ini dikeluarkan untuk mewartakan pemakaian teks sahih bagi Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Hasil semakan yang dibuat ke atas Perlembagaan PPK, PPN dan NAFAS, didapati bahawa terdapat beberapa pindaan dengan kuatkuasa menyeluruh telah dibuat ke atas Perlembagaan PPK, PPN dan NAFAS melalui Warta-Warta Persekutuan dan Arahan-Arahan Pendaftar seperti berikut:-

(a) P.U.[A] 211- Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2014 - Pelaksanaan E-Undi - Berkuatkuasa pada 17 Julai 2014;

(b) P.U.[A] 17 - Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2016 - Pemilihan dan Perwakilan-Perwakilan di Pertubuhan Peladang - berkuatkuasa pada 28 Januari 2016;

(c) P.U.[A] 222 - Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) (No.2) 2016 - Pelantikan Ahli Jemaah Pengarah oleh Menteri-berkuatkuasa pada 12 Ogos 2016;

(d) Pekeliling Pendaftar Bil. 10/1983 - Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri;

(e) Pekeliling Pendaftar Bil. 1/1984 - Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan;

(f) Arahan Pendaftar Bil.2/1997- Sumbangan Kepada Yayasan Pelajaran Peladang (YPP);

(g) Arahan Pendaftar Bil.2/2002 - Pindaan Perkataan "Pegawai" Dalam Perkara 68(ii)(f) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan Serta Perkara 64(ii)(c) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri Dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan;

(h) Arahan Pendaftar Bil.3/2004 - Pindaan/Tambahan Perkataan Dalam Perkara 36(xi) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan Serta Perkara 34(x) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri Dan Perkara 34(ix) Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan;

(i) Arahan Pendaftar Bil 2/2008 - Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan;

(j) Arahan Pendaftar Bil 3/2008 - Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri;

(k) Arahan Pendaftar Bil 4/2008 - Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan;

(l) Arahan Pendaftar Bil.1/2010 - Pindaan Kepada ; (1) Kaedah 16, Kaedah Mentadbir Dan Mengurus Unit; (2) Perkara 36, Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) ; (3) Perkara 34 Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN);

(m) Arahan Pendaftar Bil.3/2013 - Pindaan Perlembagaan & Kaedah Mentadbir Unit Ahli PP;

(n) Arahan Pendaftar Bil.5/2015 - Pemegangan Jawatan AJP Di 3 Peringkat PP;

(o) Arahan Pendaftar Bil.1/2016 - Percalonan AJP Disemua Peringkat Pertubuhan Peladang (PP);

(p) Arahan Pendaftar Bil.2/2016 - Wakil-Wakil & Percalonan Perwakilan Disemua Peringkat Pertubuhan Peladang (PP);

(q) Arahan Pendaftar Bil.3/2016 - Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang (PP);

2.2 Tiada teks sahih yang menggabungkan segala pindaan yang telah dibuat pada tahun-tahun terdahulu dikeluarkan untuk kegunaan dan rujukan.

## 3. PUNCA KUASA

### 3.1 Seksyen 4(1)(b) Akta Lembaga Pertubuhan peladang 1973 [Akta 110]

*Fungsi Lembaga ini ialah - Mendaftar, mengawal dan menyelia Pertubuhan peladang dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.*

### 3.2 Seksyen 7 (1) Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109]

*Bagi maksud Akta ini hendaklah ada seorang Pendaftar Pertubuhan Peladang (dalam Akta ini disebut "Pendaftar") yang bertanggungjawab bagi pendaftaran, pengawasan dan pengawalan semua Pertubuhan Peladang.*

### 3.3 Peraturan 85, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983

*"Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini".*

## 4. PEMAKAIAN

Arahan Pendaftar ini dan Teks-Teks Sahih bagi Perlembagaan PPK, PPN dan NAFAS adalah terpakai mulai tarikh yang dinyatakan dalam Perenggan 5 Arahan Pendaftar ini.

5. **TARIKH KUATKUASA**

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai **Lima Haribulan Mac Tahun Dua Ribu Lapan Belas** dan dengan pemakaian Arahan Pendaftar ini, maka Pekeliling Pendaftar dan Arahan Pendaftar berikut adalah dibatalkan :

(a) Pekeliling Pendaftar Bil.10/1983

(b) Pekeliling Pendaftar Bil.1/1984

(c) Arahan Pendaftar Bil.2/2002

(d) Arahan Pendaftar Bil.3/2004

(e) Arahan Pendaftar Bil.2/2008

(f) Arahan Pendaftar Bil.3/2008

(g) Arahan Pendaftar Bil.4/2008

(h) Arahan Pendaftar Bil.1/2010

- (i) Para 1.1 (b) dan (c)
- (ii) Para 4.3 (ii) dan (iii)
- (iii) Para 5.2 (i), (ii) dan (iii)
- (iv) Para 5.3

(i) Arahan Pendaftar Bil.3/2013
- (i) Para 5.1 (a) dan (b)
- (ii) Para 5.2
- (iii) Para 5.3

(j) Arahan Pendaftar Bil.3/2016

**(DATO' MOHD SALIM BIN HAJI TAHA)**
Pendaftar
Pertubuhan Peladang

# PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)

## SUSUNAN PERKARA-PERKARA


| BIL | PERKARA |
|---|---|
| | **NAMA, ALAMAT DAN KAWASAN PENGENDALIAN** |
| 1 | Nama |
| 2 | Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi Pertubuhan Perbadanan |
| 3 | Kawasan pengendalian |
| 4 | Ibu Pejabat |
| | **TAFSIRAN** |
| 5 | Tafsiran |
| | **TUJUAN-TUJUAN DAN KUASA-KUASA** |
| 6 | Tujuan-tujuan |
| 7 | Kuasa-kuasa |
| 8 | Had-had kegiatan |
| | **KEANGGOTAAN, HAK-HAK KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN** |
| 9 | Anggota-anggota |
| 10 | Kelayakan |
| 11 | Permohonan menjadi anggota |
| 12 | Bayaran masuk |
| 13 | Hak dan kewajipan |
| 14 | Hak-hak dan kuasa-kuasa anggota |
| 15 | Penama |
| 16 | Tanggungan anggota |
| 17 | Berhenti menjadi anggota |
| 18 | Meminta berhenti |
| 19 | Pemecatan anggota oleh Jemaah Pengarah |
| | **KUMPULAN-KUMPULAN WANG** |
| 20 | Kumpulan Wang |
| | **SAHAM-SAHAM** |
| 21 | Saham-saham |
| 22 | Pegangan saham oleh anggota-anggota |
| 23 | Tuntutan pertama atas saham |

| | |
|---|---|
| 24 | Syarat-syarat mengenai pindahan saham |
| 25 | Penolakan dan sekatan atas pindahan saham |
| 26 | Bayaran kerana mendaftarkan pindahan |
| 27 | Saham-saham tidak dikembalikan |

**YURAN-YURAN**

| | |
|---|---|
| 28 | *(Dimansuhkan) AP Bil. 2/2018* |
| 29 | *(Dimansuhkan) AP Bil. 2/2018* |
| 30 | *(Dimansuhkan) AP Bil. 2/2018* |

**PINJAMAN LUAR DAN WANG PERTARUHAN**

| | |
|---|---|
| 31 | Had pinjaman dari luar |
| 32 | Wang-wang pertaruhan |

**MESYUARAT AGUNG**

| | |
|---|---|
| 33 | Kuasa tertinggi |
| 34 | Jenis Mesyuarat Agung dan perjalanannya |
| 35 | Mesyuarat Agung Tahunan |
| 36 | Tugas-tugas dan tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan |
| 37 | Notis Mesyuarat Agung Tahunan |
| 38 | Kuasa Pendaftar mengadakan Mesyuarat Agung |
| 39 | Mesyuarat Agung Luar Biasa |
| 40 | Kuorum Mesyuarat Agung |
| 41 | Pengerusi Mesyuarat Agung |
| 42 | Kuasa mengundi |

**JEMAAH PENGARAH DAN WAKIL-WAKIL**

| | |
|---|---|
| 43 | Pentadbiran pertubuhan |
| 44 | Tempoh berkhidmat |
| 45 | Lantikan Pengerusi |
| 46 | Tugas Pengerusi |
| 47 | Larangan kepada ahli-ahli Jemaah Pengarah |
| 48 | Berhenti daripada Jemaah Pengarah |
| 49 | Pengarah kena beri keterangan jika mempunyai faedah dalam sesuatu kontrak |
| 50 | Mengisi kekosongan dalam Jemaah Pengarah |
| 51 | Tugas-tugas Jemaah Pengarah |
| 52 | Bayaran kepada Jemaah Pengarah |
| 53 | Kuorum dan perjalanan Jemaah Pengarah tidak terbatal |
| 54 | Bilangan wakil-wakil |
| 55 | Anggota-anggota perseorangan dikumpulkan dalam Unit Anggota |
| 56 | Syarat-syarat pemilihan wakil-wakil dan pengarah-pengarah |

**PRESIDEN KEHORMAT**

57 Perlantikan Presiden Kehormat

**PENGURUS BESAR**

58 Pengurus Besar
59 Tugas-tugas
60 Lain-lain tanggungjawab Jemaah Pengarah Pengurus Besar dan Pekerja

**PENYELENGGARAAN KIRA-KIRA DAN RESIT**

61 Penyelenggaraan kira-kira
62 Resit-resit

**SURAT-SURAT PERJANJIAN, GADAIAN DAN LAIN-LAIN**

63 Kuasa menandatangani surat perjanjian, gadaian dan lain-lain

**PERJANJIAN DAN SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN**

64 Perjanjian di antara anggota dan pertubuhan dan syarat-syaratnya
65 Pendapatan jualan-jualan
66 Jualan kepada anggota-anggota

**TAHUN KEWANGAN DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**

67 Tahun kewangan
68 Pembahagian keuntungan

**KUMPULAN WANG**

69 Kumpulan Wang Rezab
70 Menggunakan Kumpulan-kumpulan Wang
71 Kira-kira dan buku-buku
72 Pemeriksaan buku-buku oleh anggota-anggota

**MOHOR**

73 Mohor

**PERBALAHAN**

74 Perbalahan

**PEMBUBARAN**

75 Pembubaran

**AM**

76 Alamat anggota-anggota
77 Penyelarasan hutang di antara anggota dengan pertubuhan
78 Minit mesyuarat.
79 Menjadi anggota kepada lain-lain pertubuhan

**AKTA, PERATURAN-PERATURAN DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN**

80 Pindaan Perlembagaan
81 Perlembagaan hendaklah mengikut Akta dan Peraturan-peraturan
82 Kaedah mengurus Unit Anggota

## PERLEMBAGAAN

## PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN ..............................

### NAMA, ALAMAT DAN KAWASAN PENGENDALIAN

1. Pertubuhan ini akan dinamakan **PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN** ……………..………………….. selanjutnya akan dipanggil "Pertubuhan". Nama

2. Pertubuhan hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dengan mempunyai suatu meterai dan hendaklah mempunyai kuasa bagi membuat kontrak, bagi memulakan dan membela tindakan guaman dan perbicaraan di sisi undang-undang dan bagi membuat segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 6 Akta. Pertubuhan Peladang Hendaklah Menjadi Pertubuhan Perbadanan

3. (i) Kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah meliputi semua kawasan yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung dan dipersetujui oleh Pendaftar. Peta kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah seperti Lampiran **'A'.** Kawasan Pengendalian

   (ii) Semua mesyuarat Pertubuhan hendaklah diadakan dalam kawasan pengendalian ini.

4. Ibu Pejabat Pertubuhan ini adalah di ………………………………………………………............................................................................................. ........................................................................................................................................................ Ibu Pejabat

### TAFSIRAN

5. Maka di dalam Perlembagaan ini melainkan maksud berkehendakkan makna lain maka perkataan— Tafsiran

   (i) "Akta" maknanya Akta Pertubuhan Peladang 1973;

   (ii) "Peraturan-peraturan" maknanya Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973;

   (iii) "Jawatankuasa" termasuk Jemaah Pengarah Pertubuhan atau sebarang badan pengurus atau pentadbir bagi Koperasi Berasaskan Pertanian atau mana-mana kumpulan orang yang menjadi unit-unit anggota pertubuhan ini;

   (iv) "Jemaah Pengarah" maknanya Jemaah Pengarah Pertubuhan ini yang dipilih mengikut Perlembagaan ini untuk mengurus hal ehwal dan lain-lain perkara yang diamanahkan kepadanya;

   (v) "Lembaga" maknanya Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973;

   (vi) "Menteri" maknanya Menteri yang bertanggungjawab atas Lembaga Pertubuhan Peladang;

   (vii) "Pekerja" maknanya kakitangan-kakitangan yang bekerja di Pertubuhan ini dan menerima gaji darinya atau/dan mana-mana kakitangan yang ditugaskan atau dipinjamkan oleh Lembaga/Kerajaan;

   (viii) "Pegawai" maknanya Ahli-ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan ini dan wakil-wakil yang dipilih oleh Anggota-Anggota Pertubuhan ini;

(ix) "Pendaftar" maknanya Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973;

(x) "Perlembagaan" maknanya Perlembagaan bagi Pertubuhan ini yang telah didaftarkan oleh Pendaftar;

(xi) "Koperasi Berasaskan Pertanian" maknanya sesuatu koperasi yang apabila Akta ini mula berkuat kuasa didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1948 [Akta 287]*, Ordinan Koperasi 1958 Sabah [Ordinan 3 tahun 1958]* dan Ordinan Koperasi Sarawak [Bab 66]* dan yang tujuan pokoknya atau fungsi utamanya adalah mengenai pengeluaran pertanian, kredit pertanian, pemasaran atau pemprosesan atau apa-apa usaha perniagaan dan perdagangan seperti itu:

Dengan syarat bahawa jika ada sesuatu pertikaian tentang sama ada sesuatu koperasi ialah suatu koperasai berasaskan pertanian, pertikaian itu hendaklah dirujukkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang yang keputusannya itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(xii) "Unit Anggota" maknanya —

(a) sesebuah Koperasi Berasaskan Pertanian yang menjadi anggota Pertubuhan ini;

(b) suatu unit dalam mana dikumpulkan anggota-anggota perseorangan.

**TUJUAN-TUJUAN DAN KUASA-KUASA**

6. Tujuan-tujuan Pertubuhan ini ialah untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan dan membaiki cara hidup anggota-anggota serta mewujudkan satu masyarakat tani yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu padu. Tujuan-tujuan

7. Untuk mencapai tujuan-tujuannya, Pertubuhan ini hendaklah mempunyai kuasa— Kuasa-kuasa

(i) Bagi membuat kontrak, bagi memulakan dan membela tindakan guaman dan perbicaraan di sisi undang-undang;

(ii) Bagi memperolehi dengan jalan pajakan, pembelian, derma, pemberian, divais, pemberian wasiat atau dengan jalan-jalan lain sesuatu harta alih atau harta tak alih bagi mana-mana daripada tujuan Pertubuhan itu dan bagi maksud-maksud itu boleh menjual atau memajukan atau dengan cara lain membuat apa-apa urusan berkenaan dengan mana-mana harta itu;

(iii) Bagi membuat segala perkara yang perlu dan khususnya tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang di atas, kuasa-kuasa yang berikut—

(a) Mengadakan rancangan-rancangan latihan dan menambah kemahiran dengan memberi perkhidmatan perkembangan pertanian, perkebunan, penternakan binatang-binatang, perusahaan desa, perusahaan ekonomi, pertanian, ekonomi rumahtangga dan lain-lain rancangan bagi anggota-anggota dan keluarga anggota;

(b) Meluaskan dan meningkatkan pengeluaran pertanian di kalangan peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil untuk mencapai pelbagaian dan perniagaan pertanian yang lebih luas dan memajukan perniagaan pertanian;

(c) Mengadakan bekalan-bekalan ladang dan keperluan–keperluan harian termasuk lain-lain kemudahan yang dikehendaki bagi perladangan yang progresif dan kehidupan luar bandar yang lebih baik;

(d) Mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kejenteraan ladang yang perlu bagi memodenkan usaha-usaha perladangan;

(e) Mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kredit dan bagi memajukan pelaburan yang lebih besar dalam bidang-bidang pertanian dan ekonomi;

(f) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menawarkan perkhidmatan bagi simpanan wang luar bandar;

(g) Mengadakan perkhidmatan pemasaran, penyimpanan, kompleks pengeringan, pergudangan dan lain-lain kemudahan;

(h) Mengendalikan dan mengadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan bagi menambah usaha-usaha pemasaran pertanian dan lain-lain usaha yang berkaitan;

(i) Menubuhkan dan mengendalikan loji-loji memproses dan kompleks-kompleks mengilang yang perlu bagi memproses hasil pertanian;

(j) Memudahkan pembentukan modal dan menggalakkan pelaburan di kalangan peladang-peladang melalui penyertaan ekuiti dalam usaha-usaha perladangan dan perniagaan pertanian;

(k) Membantu anggota-anggota dalam memperolehi tanah baru dan menjalankan projek kemajuan tanah bagi faedah anggota-anggota;

(l) Menggalakkan dan mempergiatkan tindakan kumpulan melalui berbagai projek kemasyarakatan dan memudahkan kemajuan pimpinan.

8. Segala aktiviti-aktiviti perkhidmatan Pertubuhan ini akan dihadkan untuk anggota-anggota Pertubuhan ini sahaja. Sebaliknya dengan persetujuan Pendaftar, perkhidmatan-perkhidmatan khas boleh diberi kepada orang-orang yang bukan anggota dengan dikenakan komisyen yang ditetapkan oleh Pertubuhan ini. Had-had Kegiatan

## KEANGGOTAAN, HAK-HAK, KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN

9. Anggota-anggota Pertubuhan ini adalah terbuka kepada— Anggota-anggota

(i) Orang-orang perseorangan;

(ii) Koperasi Berasaskan Pertanian;

10. (i) Orang-orang perseorangan yang mempunyai kelayakan yang berikut bolehlah menjadi anggota Pertubuhan ini — Kelayakan

(a) Seseorang warganegara yang telah mencapai umur 18 tahun dan tinggal dalam kawasan pengendalian Pertubuhan ini; dan

(b) Mengambil bahagian dalam pengeluaran pertanian dan ternakan; atau

(c) Mendapat pendapatan dari pengeluaran pertanian dan ternakan; atau

(d) Menguasai mana-mana daripada faktor-faktor pengeluaran pertanian dan ternakan.

(ii) Koperasi Berasaskan Pertanian yang termasuk di dalam kawasan pengendalian Pertubuhan ini bolehlah menjadi anggota Pertubuhan ini.

11. (i) Untuk menjadi anggota Pertubuhan ini, seseorang, tiap-tiap Koperasi Berasaskan Pertanian hendaklah menyampaikan permohonan untuk menjadi anggota di dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar. Tiap-tiap permohonan daripada Koperasi Berasaskan Pertanian hendaklah disertai dengan dokumen-dokumen seperti berikut— *Permohonan Menjadi Anggota*

(a) Perlembagaan atau Undang-undang Kecilnya;

(b) Penyata kewangan beraudit bagi tahun yang terakhir;

(c) Satu senarai nama anggota-anggota jawatankuasa atau Jemaah Pengarah dan Pengurus Besar serta alamat-alamat mereka.

(ii) Borang permohonan dan dokumen-dokumen berkenaan akan disemak dan dipertimbangkan oleh Jemaah Pengarah. Jika diluluskan satu sijil atau kad keanggotaan akan dikeluarkan kepada anggota-anggota oleh Pertubuhan ini.

(iii) Jemaah Pengarah boleh menolak sebarang permohonan tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Jika ditolak sesuatu permohonan, maka pemohon boleh, dalam tempoh 14 hari selepas diberitahu penolakkannya itu, merayu kepada Pendaftar yang akan membuat keputusan muktamad.

12. Tiap-tiap pemohon hendaklah membayar bayaran masuk sebanyak RM2.00 bagi anggota perseorangan dan RM10.00 bagi Koperasi Berasaskan Pertanian. Bayaran ini hendaklah bersama-sama dengan permohonan. *Bayaran Masuk*

13. Anggota-anggota tidak boleh menjalankan hak-haknya sehingga mereka telah membayar bayaran masuk dan harga saham seperti ditetapkan Perkara 22 (i) Perlembagaan Pertubuhan ini atau memperolehi apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan atau Perlembagaan Pertubuhan ini. *Hak Dan Kewajipan*

14. (i) Tertakluk kepada Perkara 14(ii) Perlembagaan ini, sesuatu anggota hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan hak-hak yang berikut — *Hak-hak Dan Kuasa Anggota*

(a) Memilih wakil-wakil;

(b) Dipilih sebagai wakil atau memegang sebarang jawatan dalam Pertubuhan ini;

(c) Menyuarakan pendapatnya atau mengundi di dalam Mesyuarat Agung;

(d) Memperolehi segala kepentingan Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan atau Perlembagaan ini.

(ii) Sebarang anggota yang berkelayakan mengikut Perkara 10(i)(d) Perlembagaan ini tidak berkuasa dan tidak berhak dipilih sebagai seorang Ahli Jemaah Pengarah.

15. Tiap-tiap anggota perseorangan bolehlah melantik seorang atau lebih penama bagi menerima wang-wang yang diakui baginya daripada Pertubuhan ini yang hendak dibayar setelah ia mati dan hendaklah disebutkan bahagian tiap-tiap seorang penama itu jika lebih daripada seorang penamanya, dan hendaklah anggota perseorangan itu memberitahu Pertubuhan ini akan perubahan mana-mana nama atau nama-nama atau alamat atau alamat-alamat atau bahagian bagi penama atau penama-penamanya itu. *Penama*

16.(i) Maka tanggungan anggota-anggota Pertubuhan ini hendaklah terhad kepada jumlah saham yang diambil olehnya di dalam Pertubuhan ini; *Tanggungan Anggota*

(ii) Maka tanggungan tiap-tiap anggota perseorangan yang sudah berhenti atau pesaka gemulah anggota perseorangan yang sudah mati hendaklah mengikut peraturan-peraturan.

17. Sesuatu anggota adalah terhenti keanggotaanya kerana — *Berhenti Menjadi Anggota*

(i) Tidak layak mengikut Subperkara 10(i) Perlembagaan ini;

(ii) Mati;

(iii) Gila yang berkekalan;

(iv) Diisytiharkan bankrap;

(v) Dihukum kerana kesalahan jenayah yang dijatuhkan hukuman penjara;

(vi) Meminta berhenti mengikut Perkara 18 Perlembagaan ini;

(vii) Dipecat mengikut Perkara 19 Perlembagaan ini;

(viii) Pendaftarannya dibatalkan jika anggota itu Koperasi Berasaskan Pertanian;

(ix) Tidak mempunyai saham yang cukup mengikut Perkara 22 Perlembagaan ini.

18. (i) Mana-mana anggota yang tidak berhutang kepada Pertubuhan ini boleh berhenti daripada menjadi anggota dengan memberi notis secara bertulis 12 bulan terlebih dahulu kepada Jemaah Pengarah. Dalam hal yang dikecualikan, Jemaah Pengarah bolehlah menimbangkan notis meminta berhenti dalam masa yang singkat lagi. *Meminta Berhenti*

(ii) Notis menarik diri oleh sesuatu Koperasi Berasaskan Pertanian hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua (2) orang Ahli Jawatankuasa unit anggota yang menarik diri itu dan hendaklah disertakan dengan satu salinan ketetapan yang diperbuat oleh Mesyuarat Agung Koperasi Berasaskan Pertanian tersebut yang membenarkannya menarik diri.

19. (i) Jemaah Pengarah bolehlah memecat mana-mana anggota kerana sebarang perbuatannya yang difikirkan oleh Jemaah Pengarah berlawanan dengan perjalanan, peraturan, tujuan atau muslihat Pertubuhan ini, atau sebarang perbuatan anggota itu yang membahayakan Pertubuhan ini; *Pemecatan Anggota Oleh Jemaah Pengarah*

(ii) Tindakan memecat anggota tidak boleh diambil kecuali anggota itu terlebih dahulu diberitahu akan kesalahannya dan diberi peluang memberi keterangan atau penjelasan;

(iii) Jika mana-mana anggota yang dipecat tidak berpuas hati atas pemecatannya, ia bolehlah, dalam tempoh 14 hari dari tarikh diberitahu keputusan pemecatannya itu, merayu kepada Pendaftar yang akan membuat keputusan muktamad;

(iv) Anggota yang dipecat hendaklah menyerah balik sijil keanggotaan dan hendaklah menyelesaikan dengan serta merta segala harta dan tanggungannya kepada Pertubuhan.

## KUMPULAN-KUMPULAN WANG

20. Kumpulan Wang Pertubuhan ini terdiri daripada — *Kumpulan Wang*

(i) Bayaran masuk;

(ii) Saham-saham;

(iii) Yuran-yuran;

(iv) Pertaruhan-pertaruhan daripada anggota-anggota dan bukan anggota;

(v) Pinjaman-pinjaman dari luar;

(vi) Keuntungan bersih yang belum dibahagi-bahagikan;

(vii) Kumpulan Wang Rezab;

(viii) Derma-derma atau pemberian;

(ix) Kumpulan Wang Menebus Saham;

(x) Lain-lain Kumpulan Wang yang dipersetujui oleh Pendaftar.

**SAHAM-SAHAM**

21. Modal saham yang dibenarkan bagi Pertubuhan ini ialah sebanyak RM ……………… dibahagikan kepada ………………….. saham yang berharga RM1.00 satu saham. *Saham-saham*

22. (i) Tiap-tiap anggota hendaklah memiliki saham-saham seperti berikut — *Pemegangan Saham Oleh Anggota*

(a) Koperasi Berasaskan Pertanian hendaklah mengambil tidak kurang dari 50 saham, iaitu berharga RM50.00;

(b) Anggota-anggota perseorangan hendaklah mengambil tidak kurang dari 10 saham, iaitu berharga RM10.00;

(c) Tiap-tiap anggota boleh menambah saham-sahamnya dari semasa ke semasa.

(ii) Dimansuhkan. (AP: Bil. 2/2008).

(iii) Dimansuhkan. (AP: Bil.2/2008).

23. Pertubuhan ini hendaklah mempunyai tuntutan-tuntutan yang pertama dan utama atas segala saham-saham yang didaftarkan atas nama-nama tiap-tiap anggota Pertubuhan ini di atas segala hutang-hutang, tanggungjawab-tanggungjawab atau tanggungan-tanggungan anggota itu. *Tuntutan Pertama Atas Saham*

24. Pindahan saham-saham bolehlah dibenarkan dengan syarat — *Syarat-syarat Mengenai Pindahan Saham*

(i) Anggota itu telah memiliki saham-saham;

(ii) Pindahan itu diperbuat kepada mana-mana anggota Pertubuhan ini;

(iii) Jemaah Pengarah mempersetujui akan anggota yang menerima pindahan (transferee) dengan membenarkan pindahan itu;

(iv) Pindahan itu tidak memberi bekas sehingga nama anggota yang menerima pindahan (transferee) itu telah dimasukkan dalam daftar saham;

(v) Pemegang saham yang asal terus mempunyai tanggungan sehingga pindahan itu telah didaftarkan dalam Pertubuhan ini;

(vi) Pindahan itu tidak boleh didaftarkan sehingga permohonan yang ditandatangani oleh anggota yang memindah (transferor) dan anggota yang menerima pindahan (transferee) itu telah diterima oleh Jemaah Pengarah dan borang pindahan telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

25. Jemaah Pengarah boleh menolak sebarang permohonan bagi memindah saham-saham tanpa memberi sebab-sebabnya. Saham-saham tidak boleh dipindahkan kepada kanak-kanak, orang yang muflis, atau orang yang tidak siuman fikirannya. Penolakan Dan Sekatan Atas Pindahan Saham

26. Semua surat-surat pindahan saham yang didaftarkan hendaklah disimpan oleh Pertubuhan ini. Sebarang surat pindah saham yang ditolak pendaftarannya oleh Jemaah Pengarah hendaklah dikembalikan kepada anggota yang memohon pindahan itu, melainkan jika Jemaah Pengarah mengesyaki sesuatu kepalsuan. Bayaran seperti yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa bolehlah dikenakan kerana pendaftaran pindahan saham-saham itu. Bayaran Kerana Mendaftarkan Pindahan

27. Saham-saham tidak boleh dikembalikan kepada anggota-anggota kecuali dipindahkan mengikut Perkara 24 Perlembagaan ini atau diambil alih oleh Pertubuhan ini dari Kumpulan Wang Menebus Saham jika ada. Saham-saham Tidak Boleh Dikembalikan

**YURAN-YURAN**

28. Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 2/2008).

29. (i) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil.2/2008).

(ii) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil.2/2008).

(iii) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil.2/2008) satu yuran tahunan.

30. Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil.2/2008) Yuran-yuran.

**PINJAMAN LUAR DAN WANG PERTARUHAN**

31. Tertakluk kepada had kuasa setinggi-tinggi pinjaman dan setinggi-tinggi faedah yang dibayar atas pinjaman sebagai mana yang ditetapkan oleh Pendaftar, Pertubuhan ini bolehlah meminjam Kumpulan Wang bagi kegunaan perniagaanya daripada anggota-anggota dan bukan anggota. Tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh Pendaftar, Pertubuhan ini hendaklah menentukan dalam Mesyuarat Agung Tahunan had setinggi-tinggi pinjaman bersabit dengan pinjaman-pinjaman yang baharu, had ini bolehlah dipinda dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dengan syarat tidak lebih daripada had yang ditetapkan oleh Pendaftar. Had Pinjaman Luar

32.(i) Pertubuhan ini boleh menerima wang-wang pertaruhan dan wang simpanan daripada anggota-anggota dan bukan anggota tertakluk kepada aturan-aturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jemaah Pengarah dan dipersetujui oleh Pendaftar dari semasa ke semasa. Wang-wang Pertaruhan

(ii) Pertubuhan ini hendaklah membuat simpanan wang tunai sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah wang-wang pertaruhan tetap dan wang-wang simpanan yang diterima daripada anggota-anggota dan bukan anggota dari masa ke semasa. Wang-wang itu hendaklah disimpan di dalam bank-bank yang berdaftar di Negeri ini atau dibuat pelaburan dalam bon-bon Kerajaan Malaysia yang mana dapat

ditunaikan dengan serta-merta jika dikehendaki.

## MESYUARAT AGUNG

33. Maka kuasa yang tertinggi di dalam hal-ehwal Pertubuhan ini hendaklah terserah kepada Mesyuarat Agung. *Kuasa Tertinggi*

34. (i) Mesyuarat Agung hendaklah dibahagikan kepada 2 jenis — *Jenis Mesyuarat Agung Dan Perjalanannya*

(a) Mesyuarat Agung Tahunan;

(b) Mesyuarat Agung Luar Biasa.

(ii) Perjalanan Mesyuarat Agung hendaklah mengikut Peraturan 37 hingga 54 Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983.

35. (i) Tarikh dan tempat untuk diadakan sebarang Mesyuarat Agung itu hendaklah ditentukan oleh Jemaah Pengarah dengan syarat Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan ini hendaklah diadakan dalam kawasan pengendalian dan diadakan tidak lewat dari 31 haribulan Julai tiap-tiap tahun; *Mesyuarat Agung Tahunan*

(ii) Mesyuarat Agung Tahunan Unit-unit anggota hendaklah diadakan tidak lewat dari 31 haribulan Mei, tiap-tiap tahun.

36. Tugas-tugas dan tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan akan meliputi — *Tugas-tugas Dan Tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan Pindaan 2010 dan 2016 (AP : Bil.1/2010) dan (AP : Bil.1/2016)*

(i) Memilih Ahli-Ahli Jemaah Pengarah setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(ii) Memilih perwakilan ke Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Negeri, setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(iii) Mencalonkan dan memilih calon-calon Jemaah Pengarah bagi Pertubuhan Peladang Negeri, setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(iv) Mencalonkan dan memilih calon-calon perwakilan Pertubuhan Peladang Negeri ke Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kebangsaan, setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(v) Mencalonkan dan memilih dua (2) orang Juruaudit Dalam setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(vi) Membentang dan Menerima Laporan Tahunan AJP Tahun Semasa;

(vii) Membentang Laporan Audit Dalam PP;

(viii) Membentang dan menerima Laporan Audit dan Penyata Kewangan Tahunan;

(ix) Membentang, membincang dan memutuskan (jika berkenaan) perkara-perkara mengenai Transformasi Pertanian;

(x) Membentang dan Meluluskan Pelan Perkhidmatan dan Belanjawan (termasuk program/projek berkaitan dengan Transformasi Pertanian) Tahun ………. dan kajian semula bagi Tahun Semasa (jika berkenaan);

(xi) Membentang dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Tahun ………. (jika berkenaan);

(xii) Membentang dan Menetapkan Had Pinjaman Luar dan Had Kuasa Melabur serta kelulusan penubuhan anak syarikat/perkongsian Bistari (jika berkenaan);

(xiii) Menimbang dan Meluluskan Perlantikan Juruaudit Luar;

(xiv) Menimbang dan Membenarkan Pembelian atau Penjualan Harta Tetap;

(xv) Membentang dan Meluluskan Cadangan Hapuskira Hutang Lapuk.;

(xvi) Membentang dan Meluluskan Cadangan Melupuskan Harta Tetap;

(xvii) Menetapkan elaun-elaun dan lain-lain bayaran kepada Jemaah Pengarah;

(xviii) Membentangkan dan Meluluskan:
a. Usul-usul Dari Perwakilan
b. Usul dari Ahli Jemaah Pengarah PP

37. Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan ini hendaklah satu (1) bulan sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan — Notis Mesyuarat Agung Tahunan

(i) Mengeluarkan notis Mesyuarat Agung Tahunan kepada Pendaftar;

(ii) Memberitahu semua anggota yang layak mengundi akan tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu; dan

(iii) Meminta nama-nama wakil dan calon-calon Pengarah.

38. Jika Pendaftar tidak menerima notis Mesyuarat Agung Tahunan pada satu (1) haribulan bulan yang berkenaan mengikut Perkara 37(i) Perlembagaan ini, ia boleh menjalankan kuasa-kuasa Pengerusi Jemaah Pengarah dan boleh — Kuasa Pendaftar Mengadakan Mesyuarat Agung

(i) Menetapkan satu tarikh Mesyuarat Agung Tahunan ini;

(ii) Memberitahu semua anggota-anggota yang layak mengundi 21 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu; dan

(iii) Mengarahkan Jemaah Pengarah supaya menyediakan anggaran belanjawan bagi tahun itu dan kenyataan kira-kira bagi tahun lalu.

39. Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah dipanggil oleh Pengerusi Jemaah Pengarah Mesyuarat Agung Pertubuhan ini apabila — Mesyuarat Agung Luar Biasa

(i) Difikirkan mustahak oleh Pendaftar;

(ii) Diminta dengan bertulis oleh majoriti Ahli-ahli Jemaah Pengarah;

(iii) Atas permintaan bersurat yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu pertiga (⅓) daripada anggota-anggota yang tidak ingkar kepada Pertubuhan ini. Permintaan itu hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi. Di dalamnya disebutkan dengan tepat akan perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat yang dicadangkan;

(iv) Dikehendaki oleh Perlembagaan ini.

40.(i) Kuorum bagi mana-mana Mesyuarat Agung hendaklah sekurang-kurangnya satu perdua (½) daripada jumlah bilangan wakil-wakil dan Ahli Jemaah Pengarah; Kuorum Mesyuarat Agung

(ii) Apabila Mesyuarat Agung Tahunan itu tidak mempunyai kuorum, Mesyuarat Agung Tahunan itu hendaklah ditangguhkan kepada satu (1) tarikh yang tidak lewat dari dua (2) minggu dan mesyuarat yang ditangguhkan itu tidak perlu mempunyai kuorum dan boleh membincangkan perkara-perkara yang telah ditetapkan bagi mesyuarat awal itu;

(iii) Apabila Mesyuarat Agung Tahunan itu ditangguhkan maka Mesyuarat Agung Tahunan yang ditangguhkan itu jika tidak mempunyai kuorum, tidak ada kuasa memilih Ahli-ahli Jemaah Pengarah atau meminda Perlembagaan, dan Ahli-ahli Jemaah Pengarah yang masih bertugas akan terus memegang jawatan.

41. Pengerusi Jemaah Pengarah atau wakilnya hendaklah menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung dan lain-lain mesyuarat. Jika ia atau wakilnya tidak hadir, salah seorang daripada Ahli-ahli Jemaah Pengarah hendaklah dipilih untuk menjadi Pengerusi mesyuarat itu. Pengerusi Mesyuarat Agung

42.(i) Tiap-tiap Anggota Perwakilan dan Jemaah Pengarah menghadiri mesyuarat-mesyuarat Pertubuhan ini hanya mempunyai satu undi sahaja bagi satu-satu perkara dan tidak boleh mengambil sebarang keputusan yang bertentangan dengan Akta dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang. Kuasa Mengundi

(ii) Cara mengundi di dalam Pertubuhan ini akan dijalankan dengan apa-apa bentuk undi sulit. Kecuali dengan keputusan mengenai pengundian pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang mana hendaklah dijalankan secara sulit (secret ballot), lain-lain perkara seperti urusan perniagaan, pengurusan, perkara-perkara penubuhan atau pentadbiran pertubuhan ini, pengundian boleh dibuat dengan mengangkat tangan sahaja. Warta P.U. (A) 211 bertarikh 17 Julai 2014

(iii) Jika terdapat persamaan undi, suatu cabutan undi hendaklah dibuat di hadapan pegawai yang mempengerusikannya.

**JEMAAH PENGARAH DAN WAKIL-WAKIL**

43.(i) Pentadbiran hal-ehwal Pertubuhan ini hendaklah diserahkan kepada sebuah Jemaah Pengarah yang mengandungi 11 orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang empat (4) orang daripadanya merupakan dua (2) orang Peladang Muda dan dua (2) orang Peladang Nita; Pentadbiran Pertubuhan Pindaan 2016 (AP : Bil.1/2016)

(ii) Tiap-tiap Pengarah mempunyai satu (1) undi sahaja. Jika didapati undi sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

44. Seseorang Ahli Jemaah Pengarah yang dipilih di bawah peruntukan Perkara 43 boleh berkhidmat bagi tempoh-tempoh berikut — Tempoh Berkhidmat Pindaan 2016 (AP : Bil.1/2016)

(a) Selama tempoh tiga (3) tahun;

(b) Tempoh maksimum pemegangan jawatan adalah selama tiga (3) penggal (sembilan tahun);

(c) Tidak boleh dipiih semula selepas tamat tempoh di perenggan (b) selama satu (1) penggal (tiga tahun).

45.(i) Pengerusi Jemaah Pengarah hendaklah dipilih antara Ahli-ahli Jemaah Pengarah dengan syarat ia mendapat undi yang terbanyak dalam Mesyuarat Jemaah Pengarah yang pertama. Lantikan Pengerusi

(ii) Pendaftar atau wakilnya boleh mempengerusikan atau melantik Pengerusi sementara untuk mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Pengarah yang pertama.

(iii) Tiada mana-mana Pengerusi Jemaah Pengarah boleh digugurkan dari jawatannya melainkan

telah dirujuk terlebih dahulu kepada Pendaftar.

46. Tugas-tugas Pengerusi, antara lain-lain, hendaklah — Tugas Pengerusi

(i) Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Pengarah, Mesyuarat Agung dan lain-lain mesyuarat;

(ii) Menjadi wakil bagi Pertubuhan ini dalam semua urusan rasmi Pertubuhan;

(iii) Menandatangani dokumen-dokumen, kontrak-kontrak dan lain-lain surat yang penting yang diperlukan dalam Perlembagaan ini; dan

(iv) Semasa ketiadaan Pengerusi dalam suatu tempoh 30 hari atau lebih atau atas sebab tidak berada dalam kawasan, kesihatan atau ketidakupayaan sementara bagi menjalankan tugas Pengerusi, Mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah memilih seorang Ahli Jemaah Pengarah bagi memangku tugas-tugas dan menjalankan tugas-tugas Pengerusi sehingga Pengerusi kembali atau pulih dari ketidakupayaannya.

47. Seorang pengarah itu — Larangan Kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah

(i) Tidak boleh menerima gaji dari Pertubuhan ini;

(ii) Tidak boleh memegang jawatan rasmi di mana-mana Pertubuhan yang mempunyai tugas-tugas dan kepentingan yang bersaingan dengan perniagaan atau gerakan Pertubuhan ini, kecuali dalam jawatan-jawatan unit-unit anggota;

(iii) Dimansuhkan. Pindaan 2015. (AP: Bil.5/2015)

48. Seorang Pengarah hendaklah berhenti daripada memegang jawatan jika ia — Berhenti daripada Jemaah Pengarah

(i) Menjadi seorang muflis;

(ii) Dihukum di atas kesalahan jenayah, kecurangan, atau kerana akhlak yang tidak baik;

(iii) Tidak hadir dalam tiga Mesyuarat Jemaah Pengarah berturut-turut tanpa kebenaran atau sebab-sebab yang munasabah;

(iv) Berhenti menjadi anggota atau dipecat daripada menjadi anggota Pertubuhannya;

(v) Kehilangan akal atau gila atau kurang siuman;

(vi) Cuai menjalankan tanggungjawab seperti membayar modal sahamnya, tidak menjelaskan pinjaman dan lain-lain;

(vii) Menjalankan kegiatan-kegiatan atau perniagaan-perniagaan yang bersaingan dengan kegiatan-kegiatan atau perniagaan Pertubuhan ini ataupun menjalankan pekerjaan lain yang difikirkan akan merosakkan Pertubuhan ini;

(viii) Kewarganegaraannya ditarik balik oleh Kerajaan;

(ix) Meletakkan jawatan sebagai Ahli Jemaah Pengarah secara bertulis; dan

(x) Tidak menghadiri Kursus Mandatori Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang selepas dipilih sebagai Ahli Jemaah Pengarah dalam tempoh satu tahun.

49.(i) Seseorang Pengarah yang mempunyai sesuatu faedah atau bercadang mencari faedah di dalam sesuatu kontrak yang telah dicadangkan hendak dibuat ataupun masih difikirkan hendak dibuat oleh Jemaah Pengarah Pertubuhan ini, hendaklah menerangkan segala cara-cara faedahnya itu. Pengarah Kena Beri Keterangan Jika Punyai Faedah Dalam Suatu Kontrak

(ii) Keterangan-keterangan yang dibuat di bawah ceraian (i) itu hendaklah dituliskan di dalam butir-butir Mesyuarat Jemaah Pengarah dan selepas itu Pengarah itu tidaklah boleh mengambil bahagian di dalam apa-apa rundingan atau keputusan Jemaah Pengarah berkenaan dengan kontrak itu, kehadirannya itu tidaklah dikira bagi memenuhi kuorum mesyuarat Jemaah Pengarah bagi menjalankan rundingan atau membuat apa-apa keputusan di dalam perkara ini.

50.(i) Jika kekosongan itu dari jawatan Pengarah yang dipilih oleh Mesyuarat Agung, Pengerusi hendaklah memberitahu kekosongan itu kepada Pendaftar; Mengisi Kekosongan Dalam Jemaah Pengarah

(ii) Dimansuhkan. Pindaan 2016 (AP: Bil.1/2016)

(iii) Jika kekosongan itu dari Jawatan Pengarah yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan, maka calon yang menerima undi yang tinggi sekali dalam senarai pemilihan yang telah lalu hendaklah diterima sebagai penggantinya.

51. Jemaah Pengarah akan bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung bagi merancang, menyusun dan melaksanakan rancangan-rancangan, kegiatan-kegiatan dan kerja-kerja mengikut dasar dan keputusan yang ditetapkan dalam Mesyuarat Agung. Tugas-tugas bagi Jemaah Pengarah adalah seperti berikut— Tugas-tugas Jemaah Pengarah Pindaan 2013 (AP : Bil.3/2013)

(i) Menimbangkan dan meluluskan permohonan pemberhentian atau pemecatan anggota;

(ii) Menerima atau menamatkan perkhidmatan pekerja-pekerja serta menetapkan gaji atau bayaran–bayaran yang hendak dibayar kepada mereka itu;

(iii) Mengkaji laporan-laporan perkhidmatan tahunan dan kewangan dan membentangkan kepada Mesyuarat Agung;

(iv) Mengkaji rancangan perkhidmatan tahunan dan belanjawan tahunan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(v) Mengkaji dan membincangkan rancangan-rancangan perkhidmatan dan laporan kewangan bulanan;

(vi) Mengkaji laporan-laporan dan penyata kewangan beraudit yang telah diperiksa oleh Juru Audit dan membentangkannya kepada Mesyuarat Agung;

(vii) Mengkaji cadangan-cadangan pembelian dan penjualan harta-harta untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(viii) Mengkaji dan memberi kebenaran kepada Pengurus Besar atau Pengerusi Jemaah Pengarah untuk memborong, membuat kontrak dan lain-lain urusan bagi pihak Pertubuhan ini, tertakluk kepada Perkara 63;

(ix) Mencadang dan mengkaji pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Pertubuhan ini untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(x) Mengaturkan mesyuarat-mesyuarat dan menyediakan perkara-perkara untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(xi) Mengemukakan dokumen-dokumen dan laporan-laporan yang sah kepada Pendaftar untuk pertimbangan;

(xii) Mengeluarkan saham-saham baru dan menjalankan kutipan ansuran-ansuran saham;

(xiii) Melantik jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau pakar-pakar bagi membantu Jemaah Pengarah;

(xiv) Menerima perlantikan Pengurus Besar dan/atau pekerja yang dipinjamkan/ditempatkan oleh Lembaga/ Kerajaan; dan

(xv) Membuat peraturan-peraturan kecil dengan syarat mendapat kelulusan Mesyuarat Agung dan Pendaftar.

Bayaran Kepada Jemaah Pengarah

52.(i) Perkhidmatan Jemaah Pengarah hendaklah secara kehormat dan tidaklah membayar apa-apa gaji kepada mereka, kecuali bayaran honorarium seperti subperkara 68 (ii) (f) Perlembagaan ini yang dipersetujui dan diluluskan oleh Anggota-Anggota dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Bagi menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jemaah Pengarah, Jawatankuasa Kecil dan lain-lain mesyuarat Pertubuhan ini, Pengarah itu bolehlah dibayar tambang dan elaun;

(ii) Pertubuhan ini tidak membayar apa-apa perbelanjaan selain daripada tambang kepada wakil-wakil kerana menghadiri Mesyuarat Agung Pertubuhan ini.

Kuorum Dan Perjalanan

53.(i) Mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali;

(ii) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jemaah Pengarah ialah lima (5) orang;

Mesyuarat Jemaah Pengarah Tidak Terbatal

(iii) Perjalanan mesyuarat Jemaah Pengarah jika ada kuorumnya tidak akan terbatal oleh kerana—

(a) Ada sebarang kekosongan dalam keanggotaan Jemaah itu;

(b) Ada terdapat sebarang kesilapan mengenai pemilihan atau perlantikan seorang Pengarah;

(c) Ada terdapat sebarang kesilapan yang kecil mengenai perjalanan mesyuarat itu; atau

(d) Adalah kehadiran atau penyertaan seseorang yang tidak layak menghadiri atau menyertai mesyuarat itu.

(iv) Jika Pengerusi sesuatu mesyuarat tidak hadir, maka Ahli-ahli yang hadir boleh, jika kuorum mencukupi, melantik seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Bilangan wakil-wakil

54. (i) Wakil-wakil unit daripada mana-mana unit anggota sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah seperti berikut —

Pindaan 2016 (AP : Bil.2/2016)

(a) Dua (2) orang wakil-wakil unit bagi 50 orang anggota yang pertama; dan

(b) Dua (2) orang wakil-wakil unit bagi setiap 50 orang anggota yang berikutnya, atau bagi setiap anggota yang berikutnya yang kurang daripada 50 orang anggota.

(ii) Wakil-wakil unit hendaklah termasuk Pengerusi Jawatankuasa Unit bagi setiap unit anggota sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan;

(iii) Wakil-wakil Unit bagi sesuatu Koperasi Berasaskan Pertanian hendaklah terdiri daripada empat (4) orang anggota sahaja;

(iv) Wakil-wakil Kawasan daripada mana-mana unit anggota Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah seperti berikut—

(a) Bagi Pertubuhan Peladang Kawasan yang bilangan anggotanya melebihi satu ribu orang-

(i) Lima (5) orang wakil-wakil kawasan bagi satu ribu orang anggota pertama; dan

(ii) Seorang Wakil Kawasan bagi setiap satu ribu orang anggota yang berikutnya; atau bagi setiap anggota yang berikutnya yang kurang daripada satu ribu orang; atau

(b) Bagi Pertubuhan Peladang Kawasan yang bilangan anggotanya kurang daripada satu ribu orang, lima (5) orang Wakil-wakil Kawasan.

(v) Wakil-wakil Kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperkara 54(iv) hendaklah —

(a) Termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan; dan

(b) Tidak melebihi 11 orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan.

(vi) Walau apapun subperkara (i) dan (iv) bilangan wakil-wakil unit atau wakil-wakil kawasan daripada mana-mana unit anggota di Negeri Sarawak hendaklah ditentukan oleh Pendaftar.

(vii) Jumlah Wakil-wakil Negeri untuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan hendaklah seperti yang berikut—

(a) Bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan anggotanya melebihi lima ribu orang-

(i) Lima (5) orang Wakil-wakil Negeri bagi lima ribu orang anggota pertama; dan

(ii) Dua (2) orang Wakil-wakil Negeri bagi setiap lima ribu anggota yang berikutnya; atau bagi setiap anggota yang berikutnya yang kurang daripada lima ribu orang; atau

(b) Bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan anggotanya kurang daripada lima ribu orang, lima (5) orang Wakil-Wakil Negeri.

(viii) Jumlah Wakil-wakil Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam subperkara 54(vii) hendaklah —

(a) Termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan

(b) Tidak melebihi 51 orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan

(ix) Penentuan anggota yang layak untuk menentukan jumlah Wakil-wakil Unit, Wakil-wakil Kawasan; atau Wakil-wakil Negeri; adalah sebelum 30 haribulan April bagi tahun suatu pemilihan hendak diadakan.

**Anggota-anggota Perseorangan Dikumpulkan Dalam Unit Anggota**

55.(i) Semua anggota-anggota perseorangan hendaklah dikumpulkan di dalam satu (1) atau lebih unit anggota. Tiap-tiap unit anggota akan ditadbirkan oleh sebuah jawatankuasa kerja yang mengandungi seorang Ketua Unit dan beberapa orang Anggota Jawatankuasa yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan unit anggota itu. Tiap-tiap unit anggota hendaklah mengandungi sekurang – kurangnya 30 orang anggota;

(ii) Pengerusi Jemaah Pengarah atau wakilnya akan memanggil Mesyuarat Agung Unit Anggota tersebut dan hendaklah memimpin Mesyuarat Agung itu;

(iii) Kuorum bagi sebarang Mesyuarat Unit Anggota tersebut hendaklah tidak kurang 15 orang daripada jumlah anggota-anggota perseorangan yang layak mengundi; dan

(iv) Unit Anggota tersebut hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya selewat-lewatnya pada 31 haribulan Mei, tiap-tiap tahun.

**Syarat-syarat Pemilihan Wakil-wakil Dan Pengarah-pengarah**

56. Pencalonan dan pemilihan wakil-wakil atau pengarah-pengarah hendaklah mengikut syarat-syarat dalam perlembagaan dan peraturan-peraturan, kecuali Koperasi-koperasi Berasaskan Pertanian yang menjadi unit anggota Pertubuhan ini bolehlah menjalankan pencalonan dan pemilihan wakil-wakilnya atau calon-calon mengikut Perlembagaan atau Undang-undang Kecilnya sendiri.

## PRESIDEN KEHORMAT

57.(i) Pertubuhan dengan persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan boleh melantik seorang yang berkenamaan atau berpengaruh dalam kawasan pengendalian Pertubuhan yang tidak menjadi anggota Pertubuhan ini sebagai Presiden Kehormat bagi Pertubuhan ini. Perlantikan Presiden Kehormat

Tugas-tugasnya adalah seperti berikut—

(a) Memberi pimpinan, nasihat dan pengawasan am kepada Pertubuhan ini; dan

(b) Mempengerusikan sebarang mesyuarat atau perjumpaan Pertubuhan ini jika ia hadir di dalam mesyuarat atau perjumpaan yang diadakan itu.

(ii) Presiden Kehormat itu tidak mempunyai sebarang tanggungan kewangan terhadap Pertubuhan ini, tidak berhak mengundi di dalam sebarang mesyuarat dan tidak termasuk di dalam takrif “pegawai” mengikut Perlembagaan ini; dan

(iii) Presiden Kehormat itu adalah mempunyai kedudukan yang teratas sekali daripada Pengerusi, Ahli-ahli Jemaah Pengarah atau Pengurus Besar Pertubuhan ini.

## PENGURUS BESAR

58.(i) Sekiranya Lembaga tidak menempatkan atau meminjamkan Pengurus Besar dari semasa ke semasa Jemaah Pengarah dengan kelulusan Pendaftar bolehlah melantik dan memberhentikan Pengurus Besar bagi Pertubuhan ini dengan syarat-syarat yang tertentu mengenai tempoh perkhidmatan, gaji, kuasa, kerja-kerja, elaun dan lain-lain kemudahan yang difikirkan patut. Jemaah Pengarah dengan kelulusan Pendaftar bolehlah dari semasa ke semasa meminda syarat-syarat mengenai lantikan Pengurus Besar ini dengan syarat tidaklah diberi kepada Pengurus Besar itu kuasa dan kerja-kerja yang mana Jemaah Pengarah sendiri tidak dibenarkan menjalankan; Pengurus Besar

(ii) Pengurus Besar hendaklah menjadi Setiausaha kepada Mesyuarat Jemaah Pengarah;

(iii) Bahagian-bahagian pergerakan boleh ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan Pertubuhan ini seperti mana yang diarahkan oleh Pendaftar.

## TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS BESAR

59.(i) Pengurus Besar Pertubuhan ini akan bekerja sepenuh masa dan akan bertanggungjawab kepada Jemaah Pengarah dalam menguruskan semua perniagaan dan pergerakan Pertubuhan mengikut dasar dan keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Agung Perwakilan atau Jemaah Pengarah Pertubuhan. Tugas-tugas dan tanggungjawab Pengurus Besar adalah seperti berikut — Tugas-tugas

(a) Menguruskan semua perniagaan dan kegiatan-kegiatan pertubuhan;

(b) Memberi syor atau pandangan kepada Jemaah Pengarah jumlah pekerja yang dikehendaki atau yang hendak dibuang;

(c) Menyelia dan memimpin pekerja-pekerja yang bekerja dengan pertubuhan;

(d) Mengesyorkan kepada Jemaah Pengarah jumlah gaji, elaun atau saguhati yang patut dibayar kepada pekerja-pekerja Pertubuhan;

(e) Mengesyorkan kepada Jemaah Pengarah tentang kenaikan pangkat, penurunan pangkat, membahagikan atau menukarkan kerja-kerja pekerja Pertubuhan;

(f) Menyediakan rancangan-rancangan urusan perniagaan dan belanjawan bulanan dan perbelanjaan tahunan Pertubuhan dan mengemukakan untuk persetujuan Jemaah Pengarah;

(g) Menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan bulanan dan tahunan, penyata urusan-urusan perniagaan bulanan dan tahunan serta penyata kewangan dan mengemukakan untuk persetujuan oleh Jemaah Pengarah;

(h) Menyediakan penyata belanjawan dan perkhidmatan untuk Jemaah Pengarah bagi dikemukakan kepada mesyuarat agung perwakilan; dan

(i) Menjalankan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung Perwakilan.

(ii) Laporan-laporan dan dokumen-dokumen hendaklah disiapkan oleh Pengurus Besar dalam tempoh berikut —

(a) Rancangan perkhidmatan tahunan dan belanjawan pendapatan dan perbelanjaan bahagian perkembangan untuk tahun hadapan disediakan sebelum akhir bulan Jun;

(b) Rancangan perkhidmatan tahunan dan anggaran perbelanjaan pendapatan tahun hadapan bagi bahagian-bahagian kredit dan ekonomi disediakan sebelum akhir bulan Jun;

(c) Laporan perkhidmatan tahunan dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun lepas bagi bahagian perkembangan disediakan sebelum akhir bulan Februari;

(d) Laporan perkhidmatan tahunan dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun lepas bagi bahagian-bahagian kredit dan ekonomi sebelum akhir bulan Februari;

(e) Penyata kewangan beraudit yang telah disatukan bagi tahun lepas dan penyata harta benda Pertubuhan bagi tahun yang lepas sebelum akhir bulan Februari; dan

(f) Jadual perlaksanaan perkhidmatan tahunan dan laporan bulanan tiap-tiap bulan.

Lain-lain Tanggungjawab Jemaah Pengarah Pengurus Besar Dan Pekerja

60. (i) Semua pekerja Pertubuhan ini akan bekerja sepenuh masa. Mereka tidak boleh memegang jawatan lain dalam masa perkhidmatan seperti jawatan-jawatan lain di syarikat-syarikat ataupun badan-badan perusahaan, dan mereka juga tidak dibenarkan memegang jawatan yang bergaji di mana-mana pertubuhan;

(ii) Pengurus Besar atau pekerja yang bertugas akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pertubuhan ini akibat dari kecuaian mereka;

(iii) Wang simpanan anggota-anggota tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain tanpa kebenaran Jemaah Pengarah. Sekiranya ada kekurangan, Pengurus Besar dan pekerja yang terlibat dalam urusan kewangan akan bertanggungjawab memenuhi kekurangan untuk dibayar balik kepada anggota;

(iv) Pertubuhan ini tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang tidak mendapat keputusan Mesyuarat Jemaah Pengarah. Jika kerugian itu disebabkan oleh urusan-urusan yang dilaksanakan mengikut keputusan Jemaah Pengarah yang bertentangan dengan undang-undang, Peraturan-peraturan dan Perlembagaan atau tidak mengikut kehendak-kehendak Pertubuhan ini, Pengurus Besar dan Ahli-ahli Jemaah Pengarah akan bertanggungjawab bersama atas pembayaran balik atas kerugian-kerugian itu.

## PENYELENGGARAAN KIRA-KIRA DAN RESIT-RESIT

61.(i) Kira-kira wang Pertubuhan ini hendaklah diselenggarakan oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa; *Penyelenggaraan Kira-kira*

(ii) Cek Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar, dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah atau dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah.

62. Resit-resit yang dikeluarkan kerana wang yang dibayar kepada Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh pegawai atau pekerja yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa. *Resit-resit*

## SURAT-SURAT PERJANJIAN, GADAIAN DAN LAIN-LAIN

63. Segala surat-surat perjanjian, gadaian, pindahmilik, sewa tanah dan lain-lain surat (instruments) yang sedemikian yang diperbuat bagi pihak Pertubuhan ini selain daripada sebarang surat (instruments) yang dimeteraikan dengan mohor Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah dan dua orang Pengarah yang telah diberi kuasa oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa. *Kuasa Menandatangani Surat Perjanjian, Gadaian Dan Lain-lain*

## PERJANJIAN DAN SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN

64.(i) Jemaah Pengarah boleh menetapkan bahawa tiap-tiap anggota dan unit yang mendapat kredit pertanian daripada Pertubuhan ini supaya mengikut satu perjanjian bertulis dengan Pertubuhan ini supaya melupuskan kesemua atau apa-apa amaun, kadar atau jenis tertentu daripada hasil pertaniannya melalui Pertubuhan ini untuk dipasarkan atau diproseskan; *Perjanjian Antara Anggota Dan Pertubuhan Dan Syarat-syaratnya*

(ii) Sebarang pelanggaran terhadap perjanjian yang tersebut dalam suberkara 64(i) Perlembagaaan ini hendaklah menyebabkan anggota itu dikenakan denda sebagaimana yang disyaratkan di dalam perjanjian. Denda yang demikian itu hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Rezab; dan

(iii) Pertubuhan ini, anggota dan unit anggota hendaklah dikecualikan dan terlepas buat sementara daripada tanggungan-tanggungan yang ditentukan oleh Perkara 64(i) dan (ii) jika Pertubuhan ini digantung ataupun dibubarkan.

65.(i) Daripada pendapatan jualan-jualan hasil pengeluaran Pertubuhan ini hendaklah ditolak — *Pendapatan Jualan-jualan*

(a) Semua perbelanjaan yang berlaku kerana memasarkan hasil pengeluaran;

(b) Komisyen di atas baki setelah ditolak perbelanjaan di atas sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah; dan

(c) Disyaratkan iaitu sekiranya, setelah ditolak perbelanjaan di dalam subperkara 65 (i) (a) Komisyen di dalam subperkara 65 (i) (b) dan wang yang berbaki itu adalah mencukupi, maka bolehlah Jemaah Pengarah mengikut timbangannya menolak daripada baki itu segala wang atau sebahagian daripadanya yang terhutang oleh anggota-anggota kepada Pertubuhan ini kerana pembelian barang-barang keperluan daripada Pertubuhan ini oleh anggota dan/ atau ansuran-ansuran bagi pinjaman yang diberi serta faedah di atasnya.

(ii) Baki kemudian daripada itu hendaklah dibayar kepada anggota dan unit anggota pada masa-masa yang ditetapkan oleh Jemaah Pengarah.

66. Semua jualan-jualan kepada anggota dan unit anggota biasanya hendaklah dengan tunai. Jemaah Pengarah boleh membenarkan jualan berhutang dengan syarat — Jualan Kepada Anggota-anggota

(i) Hutang itu tidak lebih dari jumlah wang pertaruhan anggota dan unit anggota, dan/atau;

(ii) Hutang itu ditetapkan setinggi-tinggi hadnya oleh Jemaah Pengarah mengikut kemampuan dan tanggungan anggota dan unit anggota itu dengan syarat pembayaran kembali hendaklah mengikut Perkara 65.

## TAHUN KEWANGAN DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

67. Maka tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bermula pada 1 haribulan Januari dan berakhir pada 31 haribulan Disember. Tahun Kewangan

68.(i) Daripada keuntungan bersih tahunan yang diperolehi oleh Pertubuhan ini pada tiap-tiap tahun, maka dua puluh lima peratus (25%) atau kurang darinya sebanyak mana yang ditetapkan oleh Pendaftar hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Rezab; Pembahagian Keuntungan

(ii) Maka baki daripadanya itu setelah ditolak tidak lebih dari dua peratus (2%) atau maksima Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) (yang mana yang kurang) untuk Kumpulan Wang Yayasan Pelajaran Peladang, NAFAS, boleh dibahagikan kepada satu atau lebih kegunaan sebagaimana berikut mengikut timbangan Mesyuarat Agung Tahunan. Pindaan 1997 (AP : Bil.2/1997)

(a) Pembayaran dividen atau dividen naungan kepada anggota-anggota dan unit-unit anggota;

(b) Pembayaran bonus kepada pekerja-pekerja;

(c) Pembayaran honorarium kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah;

(d) Tidak lebih dua puluh peratus (20 %) sebagai bayaran hadiah atas langganan kepada anggota-anggota;

(e) Sumbangan kepada Kumpulan Wang Menebus Saham;

(f) Mengadakan Kumpulan-kumpulan Wang yang dipersetujui oleh Mesyuarat Agung dan yang dipersetujui oleh Pendaftar atau diarahkan oleh Pendaftar; dan

(g) Apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan dalam Perlembagaan ini atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang.

(iii) Pendaftar boleh menghadkan amaun honorarium untuk dibayar kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang;

(iv) Tiada Pertubuhan Peladang boleh membayar dividen atas saham-saham lebih daripada sepuluh peratus (10%) tanpa kelulusan Pendaftar;

(v) Pembayaran ke dalam suatu Kumpulan-kumpulan Wang tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada baki keuntungan bersih selepas dibuat pembayaran ke dalam Kumpulan Wang Rezab;

(vi) Maka tidak boleh keuntungan-keuntungan itu dibahagi-bahagikan sehingga kira-kira itu telah diaudit dan disahkan oleh Juruaudit dan dipersetujui oleh Pendaftar; dan

(vii) Bahagian-bahagian untung kepada sebarang anggota itu boleh digunakan untuk bayaran hutang anggota-anggota itu atau dimasukkan ke dalam kira-kira saham anggota-anggota yang berkenaan itu

dengan persetujuannya.

## KUMPULAN WANG

69.(i) Kumpulan Wang Rezab tidak boleh dibahagi-bahagikan dan tidak sesiapa pun berhak menuntut bahagian tertentu di dalamnya. Kumpulan Wang Rezab

(ii) Tertakluk kepada kelulusan Pendaftar dan apa-apa syarat yang boleh dikenakan Kumpulan Wang Rezab atau sebahagian daripadanya boleh digunakan untuk menampung kerugian-kerugian yang ditanggung oleh Pertubuhan ini.

70. Tertakluk kepada subperkara 69(ii) Perlembagaan ini maka kumpulan-kumpulan wang Pertubuhan ini hendaklah digunakan terutamanya bagi memajukan perjalanan Pertubuhan ini atau disimpan dalam sebarang bank yang dipersetujui oleh Pendaftar atau diperniagakan (invest) mengikut syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan. Menggunakan Kumpulan-kumpulan Wang

71. Kira-kira dan buku-buku hendaklah disimpan mengikut seperti yang diatur oleh Pendaftar iaitu Manual Perakaunan Pertubuhan Peladang. Penyediaan penyata kewangan hendaklah mengikut syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan. Kira-kira Dan Buku-buku

72. Segala buku-buku Pertubuhan ini, Laporan Audit dan Penyata Kewangan yang akhir hendaklah dibuka untuk pemeriksaan anggota-anggota dengan percuma pada bila-bila masa di alamat Pertubuhan ini. Maka tidak dibenarkan sesiapa pun juga melihat kira-kira pertaruhan anggota-anggota yang lain melainkan dengan kebenaran yang bertulis dari mereka berkenaan. Pemeriksaan Buku-buku Oleh Anggota-anggota

## MOHOR

73. Pertubuhan ini hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidaklah boleh dimeteraikan ke atas sebarang surat (instrument) melainkan dengan keputusan Jemaah Pengarah dan berhadapan Pengerusi Jemaah Pengarah dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah bagi maksud itu hendaklah ditandatangani oleh mereka berdua itu. Mohor

## PERBALAHAN

74. Semua perbalahan bersabit dengan perjalanan Pertubuhan ini hendaklah dirujukkan kepada Pendaftar untuk diselesaikan mengikut Peraturan-peraturan. Perbalahan

## PEMBUBARAN

75. Pertubuhan ini hanya boleh dibubarkan dengan perintah Pendaftar mengikut Peraturan-peraturan. Apabila Pertubuhan ini dibubarkan, harta-hartanya hendaklah digunakan mengikut Peraturan-peraturan. Pembubaran

## AM

76. Anggota-anggota hendaklah memberitahu kepada Pengerusi Jemaah Pengarah segala perubahan dengan alamatnya. Semua surat-surat notis yang dihantar atau dikirimkan kepada alamat yang terakhir hendaklah dianggap sudah disampaikan. Alamat Anggota-anggota

77. Sebarang wang yang telah sampai tempoh di atas kira-kira Pertubuhan ini kepada sebarang anggota Penyelarasan Hutang Di Antara Anggota

atau anggota yang telah lalu atau mereka yang dituntut menerusi anggota itu boleh ditolak buat bayaran seberapa banyak wang yang anggota itu berhutang kepada Pertubuhan ini. Dengan Pertubuhan

78. (i) Minit-minit Mesyuarat Agung Perwakilan dan Jemaah Pengarah hendaklah diselenggarakan dengan sempurna dan lengkap dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Pengurus Besar; Minit Mesyuarat

(ii) Satu salinan minit mesyuarat tersebut hendaklah dihantar kepada Pendaftar dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat-mesyuarat tersebut.

79. Tertakluk kepada kebenaran Pendaftar, maka hendaklah Pertubuhan ini dengan maksud hendak memajukan tujuan-tujuan masuk menjadi anggota lain-lain Pertubuhan di Malaysia atau luar negeri hendaklah membayar daripada kumpulan wangnya segala bayaran-bayaran dan lain-lain yuran seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan Pertubuhan yang berkenaan. Menjadi Anggota Kepada Lain-lain Pertubuhan

**AKTA, PERATURAN-PERATURAN, PERLEMBAGAAN DAN LAIN-LAIN PANDUAN MENGURUS**

80. Pindaan-pindaan kepada Perlembagaan ini hendaklah mengikut Peraturan-peraturan. Pindaan Perlembagaan

81.(i) Perlembagaan ini adalah tertakluk kepada dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Akta dan Peraturan-peraturan dengan syarat bahawa jika ada apa-apa perselisihan di antara Perlembagaan ini dengan Akta atau Peraturan-peraturan, Akta dan Peraturan-peraturan hendaklah dipakai. Perlembagaan Hendaklah Mengikut Akta Dan Peraturan-peraturan

(ii) Tidak ada tambahan atau perubahan kepada Perlembagaan ini boleh dibuat tanpa kebenaran Pendaftar terlebih dahulu.

82. Tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung dan Pendaftar maka bolehlah Pertubuhan ini mengadakan kaedah-kaedah bagi mengurus unit-unit anggotanya di bawah Perkara 55. Kaedah Mengurus Unit Anggota

Diakui sah:

..........................................

Pengerusi

.....................................                                   ...................................

Ahli Jemaah Pengarah                                   Ahli Jemaah Pengarah

# PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN)

## SUSUNAN PERKARA-PERKARA


| BIL | PERKARA |
|---|---|
| | **NAMA, ALAMAT DAN KAWASAN PENGENDALIAN** |
| 1 | Nama |
| 2 | Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi Pertubuhan Perbadanan |
| 3 | Kawasan Pengendalian |
| 4 | Ibu Pejabat |
| | **TAFSIRAN** |
| 5 | Tafsiran |
| | **TUJUAN-TUJUAN DAN KUASA-KUASA** |
| 6 | Tujuan-tujuan |
| 7 | Kuasa-kuasa |
| 8 | Had-had Kegiatan |
| | **KEANGGOTAAN, HAK-HAK KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN** |
| 9 | Anggota-anggota |
| 10 | Permohonan Menjadi Anggota |
| 11 | Bayaran Masuk |
| 12 | Hak dan Kewajipan |
| 13 | Hak-hak dan Kuasa-kuasa Anggota |
| 14 | Tanggungan Anggota |
| 15 | Berhenti Menjadi Anggota |
| 16 | Meminta Berhenti |
| 17 | Pecat Anggota Oleh Jemaah Pengarah |
| | **KUMPULAN-KUMPULAN WANG** |
| 18 | Kumpulan Wang |
| | **SAHAM-SAHAM** |
| 19 | Saham-saham |
| 20 | Pegangan Saham oleh Anggota-anggota |
| 21 | Tuntutan Pertama Atas Saham |
| 22 | Syarat-syarat Mengenai Pindahan Saham |
| 23 | Penolakan dan Sekatan Atas Pindahan Saham |

24 Bayaran Kerana Mendaftarkan Pindahan
25 Saham-saham Tidak Boleh Dikembalikan Kepada Pertubuhan

**YURAN-YURAN**

26 Yuran Tahunan (Dimansuhkan. Pindaan 2008 (Arahan Pendaftar (AP): Bil. 2/2008)
27 Penggantungan Hak Anggota Jika Yuran Tidak Dibayar (Dimansuhkan – AP: Bil.2/2008)
28 Yuran-yuran Tidak Dikembalikan (Dimansuhkan – AP: Bil. 2/2008)

**PINJAMAN LUAR DAN WANG PERTARUHAN**

29 Had Pinjaman dari Luar
30 Wang-wang pertaruhan

**MESYUARAT AGUNG**

31 Kuasa Tertinggi
32 Jenis Mesyuarat Agung dan Perjalanannya
33 Mesyuarat Agung Tahunan
34 Tugas-tugas dan Tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan
35 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
36 Kuasa Pendaftar mengadakan Mesyuarat Agung
37 Mesyuarat Agung Luar Biasa
38 Kuorum Mesyuarat Agung
39 Pengerusi Mesyuarat Agung
40 Kuasa Mengundi

**JEMAAH PENGARAH DAN WAKIL-WAKIL**

41 Pentadbiran Pertubuhan
42 Tempoh Berkhidmat
43 Lantikan Pengerusi
44 Tugas Pengerusi
45 Larangan kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah
46 Berhenti daripada Jemaah Pengarah
47 Pengarah kena beri keterangan jika mempunyai faedah dalam sesuatu kontrak
48 Mengisi kekosongan dalam Jemaah Pengarah
49 Tugas-tugas Jemaah Pengarah
50 Bayaran kepada Jemaah Pengarah
51 Kuorum dan perjalanan Jemaah Pengarah tidak terbatal
52 Bilangan Wakil-wakil
53 Syarat-syarat pemilihan Wakil-wakil dan Pengarah-pengarah

**PENGURUS BESAR**

54 Pengurus Besar

**TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS BESAR**

55 Tugas-tugas dan kewajipan Pengurus Besar
56 Lain-lain tanggungjawab Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan Pekerja

**PENYELENGGARAAN KIRA-KIRA DAN RESIT**

57 Penyelenggaraan kira-kira
58 Resit-resit

**SURAT-SURAT PERJANJIAN, GADAIAN DAN LAIN-LAIN**

59 Kuasa menandatangani surat perjanjian, gadaian dan lain-lain

**PERJANJIAN DAN SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN**

60 Perjanjian di antara anggota dan Pertubuhan dan syarat-syaratnya
61 Pendapatan jualan-jualan
62 Jualan kepada anggota-anggota

**TAHUN KEWANGAN DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**

63 Tahun Kewangan
64 Pembahagian keuntungan

**KUMPULAN WANG**

65 Kumpulan Wang Rezab
66 Menggunakan Kumpulan-kumpulan wang
67 Kira-kira dan buku-buku
68 Pemeriksaan buku-buku oleh anggota-anggota

**MOHOR**

69 Mohor

**PERBALAHAN**

70 Perbalahan

**PEMBUBARAN**

71 Pembubaran

**AM**

72 Alamat anggota-anggota
73 Penyelarasan hutang di antara anggota dengan Pertubuhan
74 Minit Mesyuarat
75 Menjadi anggota kepada lain-lain Pertubuhan

**AKTA, PERATURAN-PERATURAN DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN**

76 Pindaan Perlembagaan
77 Perlembagaan hendaklah mengikut Akta dan Peraturan-peraturan

## PERLEMBAGAAN

## PERTUBUHAN PELADANG NEGERI ..............................

### NAMA, ALAMAT DAN KAWASAN PENGENDALIAN

1. Pertubuhan ini akan dinamakan **PERTUBUHAN PELADANG NEGERI……………..** selanjutnya akan dipanggil “Pertubuhan”. Nama

2. Pertubuhan hendaklah menjadi suatu Pertubuhan Perbadanan yang kekal turun temurun dengan mempunyai suatu meterai dan hendaklah mempunyai kuasa bagi membuat kontrak, bagi memulakan dan membela tindakan guaman dan perbicaraan disisi undang-undang dan bagi hendaklah membuat segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 6 Akta. Pertubuhan Peladang Hendaklah Menjadi Pertubuhan Perbadanan

3. (i) Kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah meliputi seluruh Negeri……………………………………………… Kawasan Pengendalian

(ii) Semua mesyuarat Pertubuhan hendaklah diadakan dalam kawasan pengendalian ini.

4. Ibu Pejabat Pertubuhan ini adalah di………………………………………………………. ………………………………………………………………………………………………….. Ibu Pejabat

### TAFSIRAN

5. Maka di dalam Perlembagaan ini melainkan maksud berkehendakkan makna lain maka perkataan — Tafsiran

(i) “Akta” maknanya Akta Pertubuhan Peladang 1973;

(ii) “Peraturan-peraturan” maknanya Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang, 1973;

(iii) “Jawatankuasa” termasuk Lembaga Pengarah, Koperasi Berasaskan Pertanian;

(iv) “Jemaah Pengarah” maknanya Jemaah Pengarah Pertubuhan ini yang dipilih mengikut Perlembagaan ini untuk mengurus hal ehwal dan lain-lain perkara yang diamanahkan kepadanya;

(v) “Lembaga” maknanya Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973;

(vi) “Menteri” maknanya Menteri yang bertanggungjawab atas Lembaga Pertubuhan Peladang;

(vii) “Pekerja” maknanya kakitangan-kakitangan yang bekerja di Pertubuhan ini dan menerima gaji darinya dan/atau mana-mana kakitangan yang ditugaskan /dipinjamkan oleh Lembaga;

(viii) “Pegawai” maknanya ahli-ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan ini dan wakil-wakil yang dipilih oleh anggota-anggota Pertubuhan ini;

(ix) “Pendaftar” maknanya Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973;

(x) “Perlembagaan” maknanya Perlembagaan bagi Pertubuhan ini yang telah didaftarkan oleh Pendaftar;

(xi) “Koperasi Berasaskan Pertanian” maknanya sesuatu koperasi yang apabila Akta ini mula berkuat kuasa didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1948 [Akta 287]*, Ordinan Koperasi 1958 Sabah [Ordinan 3 tahun 1958]* dan Ordinan Koperasi Sarawak [Bab 66]* dan yang tujuan pokoknya atau fungsi utamanya adalah mengenai pengeluaran pertanian, kredit pertanian, pemasaran atau pemprosesan atau apa-apa usaha perniagaan dan perdagangan seperti itu:

Dengan syarat bahawa jika ada sesuatu pertikaian tentang sama ada sesuatu koperasi ialah suatu Koperasai Berasaskan Pertanian, pertikaian itu hendaklah dirujukkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang yang keputusannya itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(xii) “Anggota” maknanya

(a) Sesuatu Pertubuhan Peladang Kawasan atau;

(b) Sesebuah Koperasi Berasaskan Pertanian yang menjadi anggota Pertubuhan ini.

**TUJUAN-TUJUAN DAN KUASA-KUASA**

6. Tujuan-tujuan Pertubuhan ini ialah untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan dan membaiki cara hidup anggota-anggota serta mewujudkan satu masyarakat tani yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu padu. Tujuan-tujuan

7. Untuk mencapai tujuan-tujuannya, Pertubuhan ini hendaklah mempunyai kuasa — Kuasa-kuasa

(i) Bagi membuat kontrak, bagi memulakan dan membela tindakan guaman dan perbicaraan di sisi undang-undang;

(ii) Bagi memperolehi dengan jalan pajakan, pembelian, derma, pemberian, divais, pemberian wasiat atau dengan jalan-jalan lain sesuatu harta alih atau harta tak alih bagi mana-mana daripada tujuan Pertubuhan itu dan bagi maksud-maksud itu boleh menjual atau memajukan atau dengan cara lain membuat apa-apa urusan berkenaan dengan mana-mana harta itu;

(iii) Bagi membuat segala perkara yang perlu dan khususnya tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang di atas, kuasa-kuasa yang berikut —

(a) Mengadakan rancangan-rancangan latihan dan menambah kemahiran dengan memberi perkhidmatan, perkembangan dalam bidang kemajuan pertanian, perkebunan, penternakan binatang-binatang, perusahaan desa, perusahaan ekonomi pertanian, ekonomi rumahtangga dan lain-lain rancangan bagi peladang-peladang, suri-suri rumahtangga dan belia-belia;

(b) Meluaskan pengeluaran pertanian dikalangan peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil untuk mencapai pelbagaian dan perniagaan pertanian yang lebih luas dan meluas dan memajukan perniagaan pertanian;

(c) Mengadakan bekalan-bekalan ladang dan keperluan–keperluan harian termasuk lain-lain kemudahan yang dikehendaki bagi perladangan yang progresif dan kehidupan luar bandar yang lebih baik;

(d) Mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kejenteraan ladang yang perlu bagi memodenkan usaha-usaha perladangan;

(e) Mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kredit dan bagi memajukan pelaburan yang lebih besar dalam bidang-bidang pertanian dan ekonomi;

(f) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menawarkan perkhidmatan bagi simpanan wang luar bandar;

(g) Mengadakan perkhidmatan pemasaran, penyimpanan, kompleks pengeringan, pergudangan dan lain-lain kemudahan;

(h) Mengendalikan dan mengadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan bagi menambah usaha-usaha pemasaran pertanian dan lain-lain usaha yang berkaitan;

(i) Menubuhkan dan mengendalikan loji-loji memproses dan kompleks-kompleks mengilang yang perlu bagi memproses hasil pertanian;

(j) Memudahkan pembentukan modal dan menggalakkan pelaburan di kalangan peladang-peladang melalui penyertaan ekuiti dalam usaha-usaha perladangan dan perniagaan pertanian;

(k) Membantu anggota-anggota dalam memperolehi tanah baru dan menjalankan projek kemajuan tanah bagi faedah anggota-anggota;

(l) Menggalakkan dan mempergiat tindakan kumpulan melalui berbagai projek kemasyarakatan dan memudahkan kemajuan pimpinan.

8. Segala aktiviti-aktiviti perkhidmatan Pertubuhan ini akan dihadkan untuk anggota-anggota Pertubuhan ini sahaja. Sebaliknya, dengan persetujuan Pendaftar, perkhidmatan-perkhidmatan khas boleh diberi kepada pihak-pihak yang bukan anggota dengan dikenakan komisyen yang ditetapkan oleh Pertubuhan ini. *Had-had Kegiatan*

## KEANGGOTAAN, HAK-HAK, KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN

9. Anggota-anggota Pertubuhan ini adalah terbuka kepada *Anggota-anggota*

(i) Pertubuhan-Pertubuhan Peladang Kawasan;

(ii) Koperasi Berasaskan Pertanian.

10. (i) Untuk menjadi anggota Pertubuhan ini, Pertubuhan Peladang Kawasan atau tiap-tiap Koperasi Berasaskan Pertanian hendaklah menyampaikan permohonan untuk menjadi anggota di dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar. Tiap-tiap permohonan hendaklah disertai dengan dokumen-dokumen seperti berikut — *Permohonan Menjadi Anggota*

(a) Perlembagaan atau Undang-undang Kecilnya;

(b) Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun yang terakhir;

(c) Satu salinan minit-minit Mesyuarat Agung dimana satu usul khas mempersetujui masuk menjadi anggota dalam Pertubuhan ini diluluskan; dan

(d) Satu senarai nama Ahli-ahli Jawatankuasa atau Jemaah Pengarah dan Pengurus Besar serta alamat-alamat mereka.

(ii) Borang permohonan dan dokumen-dokumen berkenaan akan disemak dan dipertimbangkan oleh Jemaah Pengarah. Jika diluluskan satu sijil atau kad keanggotaan akan dikeluarkan kepada anggota-anggota oleh Pertubuhan ini.

(iii) Jemaah Pengarah boleh menolak sebarang permohonan tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Jika ditolak sesuatu permohonan, maka pemohon boleh, dalam tempoh 14 hari selepas diberitahu penolakkannya itu, merayu kepada Pendaftar yang akan membuat keputusan muktamad.

11. Tiap-tiap pemohon hendaklah membayar bayaran masuk sebanyak RM ……………. Bayaran ini hendaklah bersama-sama dengan permohonan. Bayaran Masuk

12. Anggota-anggota tidak boleh menjalankan hak-haknya sehingga mereka telah membayar bayaran masuk dan harga saham seperti ditetapkan subperkara 20 (i) Perlembagaan Pertubuhan ini atau memperolehi apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan atau Perlembagaan Pertubuhan ini. Hak Dan Kewajipan

13. Anggota hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan hak-hak yang berikut — Hak-hak Dan Kuasa Anggota

(i) Memilih wakil-wakil;

(ii) Dipilih sebagai wakil atau memegang sebarang jawatan dalam Pertubuhan ini;

(iii) Menyuarakan pendapatnya atau memberi undinya di dalam Mesyuarat Agung;

(iv) Memperolehi segala kepentingan Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan atau Perlembagaan ini.

14. Maka tanggungan anggota-anggota Pertubuhan ini hendaklah terhad kepada jumlah saham yang diambil olehnya di dalam Pertubuhan ini. Tanggungan Anggota

15. Sesuatu anggota adalah terhenti keanggotaanya kerana — Berhenti Menjadi Anggota

(i) Diisytiharkan bankrap;

(ii) Berhenti mengikut Perkara 16 Perlembagaan ini;

(iii) Dipecat mengikut Perkara 17 Perlembagaan ini;

(iv) Pendaftarannya dibatalkan;

(v) Tidak mempunyai saham yang cukup mengikut Perkara 20 Perlembagaan ini.

16. (i) Mana-mana anggota yang tidak berhutang kepada Pertubuhan ini boleh berhenti daripada menjadi anggota dengan memberi notis secara bertulis 12 bulan terlebih dahulu kepada Jemaah Pengarah. Dalam hal yang dikecualikan, Jemaah Pengarah bolehlah menimbangkan notis meminta berhenti dalam masa yang singkat Meminta Berhenti

lagi;

(ii) Notis menarik diri oleh anggota hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua (2) orang Jemaah Pengarah anggota yang menarik diri itu dan hendaklah disertakan dengan satu (1) salinan ketetapan yang diperbuat oleh Mesyuarat Agung anggota itu yang membenarkannya menarik diri.

17. (i) Jemaah Pengarah bolehlah memecat sesuatu anggota kerana sebarang perbuatannya yang difikirkan oleh Jemaah Pengarah berlawanan dengan perjalanan, peraturan, tujuan atau muslihat anggota itu yang membahayakan keadaan Pertubuhan ini; Pecat Anggota Oleh Jemaah Pengarah

(ii) Tindakan memecat anggota tidak boleh diambil kecuali anggota itu terlebih dahulu diberitahu akan kesalahannya dan diberi peluang memberi keterangan atau penjelasan;

(iii) Jika mana-mana anggota yang dipecat tidak berpuas hati atas pemecatannya, ia bolehlah, dalam tempoh 14 hari dari tarikh diberitahu keputusan pemecatannya itu, merayu kepada Pendaftar yang akan membuat keputusan muktamad;

(iv) Anggota yang dipecat hendaklah menyerah balik sijil keanggotaan dan membayar atau menyelesaikan dengan serta merta segala hutang-hutang dan tanggungannya kepada Pertubuhan.

**KUMPULAN-KUMPULAN WANG**

18. Kumpulan Wang Pertubuhan ini terdiri daripada — Kumpulan Wang

(i) Bayaran masuk;

(ii) Saham-saham;

(iii) Yuran-yuran;

(iv) Pertaruhan-pertaruhan daripada anggota-anggota dan bukan anggota;

(v) Pinjaman-pinjaman dari luar;

(vi) Keuntungan bersih yang belum dibahagi-bahagikan;

(vii) Kumpulan Wang Rezab;

(viii) Derma-derma atau pemberian;

(ix) Kumpulan Wang Menebus Saham;

(x) Lain-lain Kumpulan Wang yang dipersetujui oleh Pendaftar.

**SAHAM-SAHAM**

19. Modal saham yang dibenarkan bagi Pertubuhan ini ialah sebanyak RM…………………… dibahagikan kepada ………………………… saham yang berharga RM 1.00 satu saham. Saham-saham

20. (i) Tiap-tiap anggota hendaklah memiliki saham-saham tidak kurang dari ………… saham berharga RM 1.00 tiap-tiap satu; — *Pegangan Saham Oleh Anggota-anggota*

(ii) Tiap-tiap anggota boleh menambah saham-sahamnya dari semasa ke semasa;

(iii) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 3/2008)

21. Pertubuhan ini hendaklah mempunyai tuntutan-tuntutan yang pertama dan utama atas segala saham-saham yang didaftarkan atas nama-nama tiap-tiap anggota Pertubuhan ini di atas segala hutang-hutang, tanggungjawab-tanggungjawab atau tanggungan-tanggungan anggota itu. — *Tuntutan Pertama Atas Saham*

22. Pindahan saham-saham bolehlah dibenarkan dengan syarat — — *Syarat-syarat Mengenai Pindahan Saham*

(i) Anggota itu telah memiliki saham-saham;

(ii) Pindahan itu diperbuat kepada mana-mana anggota Pertubuhan ini;

(iii) Jemaah Pengarah mempersetujui akan anggota yang menerima pindahan (transferee) dengan membenarkan pindahan itu;

(iv) Pindahan itu tidak memberi bekas sehingga nama anggota yang menerima pindahan (transferee) itu telah dimasukkan dalam daftar saham;

(v) Pemegang saham yang asal terus mempunyai tanggungan sehingga pindahan itu telah didaftarkan dalam Pertubuhan ini;

(vi) Pindahan itu tidak boleh didaftarkan sehingga permohonan yang ditandatangani oleh anggota yang memindah (transferor) dan anggota yang menerima pindahan (transferee) itu telah diterima oleh Jemaah Pengarah dan borang pindahan telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

23. Jemaah Pengarah bolehlah menolak sebarang permohonan bagi memindah saham-saham tanpa memberi sebab-sebabnya. — *Penolakan Dan Sekatan Atas Pindahan Saham*

24. Semua surat-surat pindahan saham yang didaftarkan hendaklah disimpan oleh Pertubuhan ini. Sebarang surat pindah saham yang ditolak pendaftarannya oleh Jemaah Pengarah hendaklah dikembalikan kepada anggota yang memohon pindahan itu, melainkan jika Jemaah Pengarah mengesyaki sesuatu kepalsuan. Bayaran seperti yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa bolehlah dikenakan kerana pendaftaran pindahan saham-saham itu. — *Bayaran Kerana Mendaftarkan Pindahan*

25. Saham-saham tidak boleh dikembalikan kepada Pertubuhan, kecuali dipindahkan mengikut Perkara 22, Perlembagaan ini atau diambil alih oleh Pertubuhan ini dari Kumpulan Wang Menebus Saham, jika ada. — *Saham-saham Tidak Boleh Dikembalikan Kepada Pertubuhan*

**YURAN-YURAN**

26. Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 3/2008)

27. (i) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 3/2008)

(ii) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 3/2008)

(iii) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 3/2008)

28. Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 3/2008)

**PINJAMAN LUAR DAN WANG PERTARUHAN**

29. Tertakluk kepada had kuasa setinggi-tinggi pinjaman dan setinggi-tinggi faedah yang dibayar atas pinjaman sebagai mana yang ditetapkan oleh Pendaftar, Pertubuhan ini bolehlah meminjam Kumpulan Wang bagi kegunaan perniagaanya daripada anggota-anggota dan bukan anggota. Tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh Pendaftar, Pertubuhan ini hendaklah menentukan dalam Mesyuarat Agung Tahunan had setinggi-tinggi pinjaman bersabit dengan pinjaman-pinjaman yang ada dan yang baharu, had ini bolehlah dipinda dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dengan syarat tidak lebih daripada had yang ditetapkan oleh Pendaftar. Had Pinjaman Dari Luar

30. (i) Pertubuhan ini boleh menerima wang-wang pertaruhan dan wang simpanan daripada anggota-anggota dan bukan anggota tertakluk kepada aturan-aturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jemaah Pengarah dan dipersetujui oleh Pendaftar dari semasa ke semasa. Wang-wang Pertaruhan

(ii) Pertubuhan ini hendaklah membuat simpanan wang tunai sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah wang-wang pertaruhan tetap dan wang-wang simpanan yang diterima daripada anggota-anggota dan bukan anggota dari semasa ke semasa. Wang-wang itu hendaklah disimpan di dalam bank-bank yang berdaftar di Negeri ini atau dibuat pelaburan dalam bon-bon Kerajaan Malaysia yang mana dapat ditunaikan dengan serta-merta jika dikehendaki.

**MESYUARAT AGUNG**

31. Maka kuasa yang tertinggi di dalam hal-ehwal Pertubuhan ini hendaklah terserah kepada Mesyuarat Agung. Kuasa Tertinggi

32. (i) Mesyuarat Agung hendaklah dibahagikan kepada 2 jenis — Jenis Mesyuarat Agung Dan Perjalanannya

(a) Mesyuarat Agung Tahunan;

(b) Mesyuarat Agung Luar Biasa.

(ii) Perjalanan Mesyuarat Agung hendaklah mengikut Peraturan 37 hingga 54 Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983.

33. Tarikh dan tempat untuk diadakan sebarang Mesyuarat Agung itu hendaklah ditentukan oleh Jemaah Pengarah dengan syarat Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan ini hendaklah diadakan dalam kawasan pengendalian dan diadakan tidak lewat dari 30 haribulan September tiap-tiap tahun. Mesyuarat Agung Tahunan

34. Tugas-tugas dan tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan akan meliputi — Tugas-tugas Dan Tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan Pindaan 2010 dan 2016 (AP : Bil.1/2010) dan (AP : Bil.1/2016)

(i) Memilih Ahli-Ahli Jemaah Pengarah setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(ii) Memilih perwakilan ke Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kebangsaan, setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(iii) Mencalonkan dan memilih calon-calon Jemaah Pengarah bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan, setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(iv) Mencalonkan dan memilih dua (2) orang Juruaudit Dalam setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(v) Membentang dan Menerima Laporan Tahunan AJP Tahun Semasa;

(vi) Membentang Laporan Audit Dalam PP;

(vii) Membentang dan menerima Laporan Audit dan Penyata Kewangan Tahunan;

(viii) Membentang, membincang dan memutuskan (jika berkenaan) perkara-perkara mengenai Transformasi Pertanian;

(ix) Membentang dan Meluluskan Pelan Perkhidmatan dan Belanjawan (termasuk program/projek berkaitan dengan Transformasi Pertanian) Tahun .......... dan kajian semula bagi Tahun Semasa (jika berkenaan);

(x) Membentang dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Tahun .......... (jika berkenaan);

(xi) Membentang dan Menetapkan Had Pinjaman Luar dan Had Kuasa Melabur serta kelulusan penubuhan anak syarikat/perkongsian Bistari (jika berkenaan);

(xii) Menimbang dan Meluluskan Perlantikan Juruaudit Luar;

(xiii) Menimbang dan Membenarkan Pembelian atau Penjualan Harta Tetap;

(xiv) Membentang dan Meluluskan Cadangan Hapuskira Hutang Lapuk;

(xv) Membentang dan Meluluskan Cadangan Melupuskan Harta Tetap;

(xvi) Menetapkan elaun-elaun dan lain-lain bayaran kepada Jemaah Pengarah;

(xvii) Membentangkan dan Meluluskan:
a. Usul-usul Dari Perwakilan
b. Usul dari Ahli Jemaah Pengarah PP

35. Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan ini hendaklah satu (1) bulan sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan — *Notis Mesyuarat Agung Tahunan*

(i) Mengeluarkan notis Mesyuarat Agung Tahunan kepada Pendaftar;

(ii) Memberitahu semua anggota yang layak mengundi akan tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu; dan

(iii) Meminta nama-nama wakil dan calon-calon Pengarah.

36. Jika Pendaftar tidak menerima notis Mesyuarat Agung Tahunan pada 1 haribulan September mengikut subperkara 35(i) Perlembagaan ini, ia boleh menjalankan kuasa-kuasa Pengerusi Jemaah Pengarah dan boleh — *Kuasa Pendaftar Mengadakan Mesyuarat Agung*

(i) Menetapkan satu (1) tarikh Mesyuarat Agung Tahunan ini;

(ii) Memberitahu semua anggota-anggota yang layak mengundi 21 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu; dan

(iii) Mengarahkan Jemaah Pengarah supaya menyediakan anggaran belanjawan bagi tahun itu dan kenyataan kira-kira bagi tahun lalu.

37. Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah dipanggil oleh Pengerusi Jemaah Pengarah Mesyuarat Agung Pertubuhan ini apabila — Mesyuarat Agung Luar Biasa

(i) Difikirkan mustahak oleh Pendaftar;

(ii) Diminta dengan bertulis oleh majoriti Ahli-ahli Jemaah Pengarah;

(iii) Atas permintaan bersurat yang ditandatangani oleh sekurang kurangnya satu pertiga (⅓) daripada anggota-anggota yang tidak ingkar kepada Pertubuhan ini. Permintaan itu hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi. Di dalamnya disebutkan dengan tepat akan perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat yang dicadangkan;

(iv) Dikehendaki oleh Perlembagaan ini.

38. (i) Kuorum bagi mana-mana Mesyuarat Agung hendaklah sekurang-kurangnya separuh (½) daripada jumlah bilangan wakil-wakil dan Ahli Jemaah Pengarah; Kuorum Mesyuarat Agung

(ii) Apabila Mesyuarat Agung Tahunan itu tidak mempunyai kuorum, Mesyuarat Agung Tahunan itu hendaklah ditangguhkan kepada satu (1) tarikh yang tidak lewat dari dua (2) minggu dan mesyuarat yang ditangguhkan itu tidak perlu mempunyai kuorum dan boleh membincangkan perkara-perkara yang telah ditetapkan bagi mesyuarat awal itu; dan

(iii) Apabila Mesyuarat Agung Tahunan itu ditangguhkan maka Mesyuarat Agung Tahunan yang ditangguhkan itu jika tidak mempunyai kuorum, tidak ada kuasa memilih Ahli-ahli Jemaah Pengarah atau meminda Perlembagaan, dan Ahli-ahli Jemaah Pengarah yang masih bertugas akan terus memegang jawatan.

39. Pengerusi Jemaah Pengarah atau wakilnya hendaklah menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung dan lain-lain mesyuarat. Jika ia atau wakilnya tidak hadir, salah seorang daripada Ahli-ahli Jemaah Pengarah hendaklah dipilih untuk menjadi Pengerusi mesyuarat itu. Pengerusi Mesyuarat Agung

40. (i) Tiap-tiap Anggota perwakilan dan Jemaah Pengarah menghadiri mesyuarat-mesyuarat Pertubuhan ini hanya mempunyai satu (1) undi sahaja bagi satu-satu perkara dan tidak boleh mengambil sebarang keputusan yang bertentangan dengan Akta dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang. Kuasa Mengundi

(ii) Cara mengundi di dalam Pertubuhan ini akan dijalankan dengan apa-apa bentuk undi sulit. Kecuali dengan keputusan mengenai pengundian pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang mana hendaklah dijalankan secara sulit (secret ballot), lain-lain perkara seperti urusan perniagaan, pengurusan, perkara-perkara penubuhan atau pentadbiran Pertubuhan ini, pengundian boleh dibuat dengan mengangkat tangan sahaja. Warta P.U. (A) 211 bertarikh 17 Julai 2014

(iii) Jika terdapat persamaan undi, suatu cabutan undi hendaklah dibuat di hadapan pegawai yang mempengerusikannya.

**JEMAAH PENGARAH DAN WAKIL-WAKIL**

41. (i) Pentadbiran hal-ehwal Pertubuhan ini hendaklah diserahkan kepada sebuah Jemaah Pengarah yang mengandungi 13 orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang empat (4) orang daripadanya merupakan dua (2) orang Peladang Muda dan dua (2) orang Peladang Nita

Pentadbiran Pertubuhan Pindaan 2016 (AP : Bil.2/2016)

(ii) Tiap-tiap Pengarah mempunyai satu (1) undi sahaja. Jika didapati undi sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

42. Seseorang Ahli Jemaah Pengarah yang dipilih di bawah Perkara 41(i) boleh berkhidmat bagi tempoh-tempoh berikut —

Tempoh Berkhidmat

(a) selama tempoh tiga (3) tahun;

Pindaan 2016 (AP : Bil.1/2016)

(b) tempoh maksimum pemegangan jawatan adalah selama tiga (3) penggal (sembilan tahun);

(c) tidak boleh dipilih semula selepas tamat tempoh di subperkara 42 (b) selama satu (1) penggal (tiga tahun).

43. (i) Pengerusi Jemaah Pengarah hendaklah dipilih antara Ahli-ahli Jemaah Pengarah dengan syarat ia mendapat undi yang terbanyak dalam mesyuarat Jemaah Pengarah yang pertama;

Lantikan Pengerusi

(ii) Pendaftar atau wakilnya boleh mempengerusikan atau melantik Pengerusi sementara untuk mempengerusikan mesyuarat Jemaah Pengarah yang pertama;

(iii) Tiada mana-mana Pengerusi Jemaah Pengarah boleh digugurkan dari jawatannya melainkan telah dirujuk terlebih dahulu kepada Pendaftar;

44. Tugas-tugas Pengerusi, antara lain-lain, hendaklah —

Tugas Pengerusi

(i) Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Pengarah, Mesyuarat Agung dan lain-lain mesyuarat;

(ii) Menjadi wakil bagi Pertubuhan ini dalam semua urusan rasmi Pertubuhan;

(iii) Menandatangani dokumen-dokumen, kontrak-kontrak dan lain-lain surat yang penting yang diperlukan dalam Perlembagaan ini; dan

(iv) Semasa ketiadaan Pengerusi dalam suatu tempoh 30 hari atau lebih atau atas sebab tidak berada dalam kawasan, kesihatan atau ketidakupayaan sementara bagi menjalankan tugas Pengerusi, Mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah memilih seorang Ahli Jemaah Pengarah bagi memangku tugas-tugas dan menjalankan tugas-tugas Pengerusi sehingga Pengerusi kembali atau pulih dari ketidakupayaannya.

45. Seorang Pengarah itu —

Larangan Kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah

(i) Tidak boleh menerima gaji dari Pertubuhan ini;

(ii) Tidak boleh memegang jawatan rasmi di mana-mana Pertubuhan yang mempunyai tugas-tugas dan kepentingan yang bersaingan dengan perniagaan atau gerakan Pertubuhan ini, kecuali dalam jawatan-jawatan unit-unit anggota;

(iii) Dimansuhkan. Pindaan 2015 (AP: Bil.5/2015)

46. Seorang Pengarah hendaklah berhenti daripada memegang jawatan jika ia — *Berhenti Daripada Jemaah Pengarah*

(i) Menjadi seorang muflis;

(ii) Dihukum di atas kesalahan jenayah, kecurangan, atau kerana akhlak yang tidak baik;

(iii) Tidak hadir dalam tiga mesyuarat Jemaah Pengarah berturut-turut tanpa kebenaran atau sebab-sebab yang munasabah;

(iv) Berhenti menjadi Anggota atau dipecat daripada menjadi Anggota Pertubuhannya;

(v) Kehilangan akal, atau gila, atau kurang siuman;

(vi) Cuai menjalankan tanggungjawab seperti membayar modal sahamnya, tidak menjelaskan pinjaman dan lain-lain;

(vii) Menjalankan kegiatan-kegiatan atau perniagaan-perniagaan yang bersaingan dengan kegiatan-kegiatan atau perniagaan Pertubuhan ini ataupun menjalankan pekerjaan lain yang difikirkan akan merosakkan Pertubuhan ini;

(viii) Kewarganegaraannya ditarik balik oleh Kerajaan;

(ix) Meletakkan jawatan sebagai Ahli Jemaah Pengarah secara bertulis; dan

(x) Tidak menghadiri Kursus Mandatori Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang selepas dipilih sebagai Ahli Jemaah Pengarah dalam tempoh satu (1) tahun.

47. (i) Seseorang Pengarah yang mempunyai sesuatu faedah atau bercadang mencari faedah di dalam sesuatu kontrak yang telah dicadangkan hendak dibuat ataupun masih difikirkan hendak dibuat oleh Jemaah Pengarah Pertubuhan ini, hendaklah menerangkan segala cara-cara faedahnya itu; *Pengarah Kena Beri Keterangan Jika Mempunyai Faedah Dalam Suatu Kontrak*

(ii) Keterangan-keterangan yang dibuat di bawah subperkara 47(i) itu hendaklah dituliskan di dalam butir-butir mesyuarat Jemaah Pengarah dan selepas itu Pengarah itu tidaklah boleh mengambil bahagian di dalam apa-apa rundingan atau keputusan Jemaah Pengarah berkenaan dengan kontrak itu dan kehadirannya itu tidaklah dikira bagi memenuhi kuorum Mesyuarat Jemaah Pengarah bagi menjalankan rundingan atau membuat apa-apa keputusan di dalam perkara ini.

48. (i) Jika kekosongan itu dari jawatan Pengarah yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Pengerusi hendaklah memberitahu kekosongan itu kepada Pendaftar; *Mengisi Kekosongan Dalam Jemaah Pengarah*

(ii) Dimansuhkan. Pindaan 2016 (AP:1/2016)

(iii) Jika kekosongan itu dari Jawatan Pengarah yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan, maka calon yang menerima undi yang tinggi sekali dalam senarai pemilihan yang telah lalu hendaklah diterima sebagai penggantinya.

49. Jemaah Pengarah akan bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung bagi merancang, menyusun dan melaksanakan rancangan-rancangan, kegiatan-kegiatan dan kerja-kerja mengikut dasar dan keputusan yang ditetapkan dalam Mesyuarat Agung. Tugas-tugas bagi Jemaah Pengarah adalah seperti berikut — *Tugas-tugas Jemaah Pengarah*

(i) Menimbangkan dan meluluskan permohonan pemberhentian atau pemecatan anggota;

(ii) Menerima atau menamatkan perkhidmatan pegawai-pegawai atau kakitangan serta menetapkan gaji atau bayaran–bayaran yang hendak dibayar kepada mereka itu;

(iii) Mengkaji laporan-laporan perkhidmatan tahunan dan kewangan dan membentangkan kepada Mesyuarat Agung;

(iv) Mengkaji rancangan perkhidmatan tahunan dan belanjawan tahunan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(v) Mengkaji dan membincangkan rancangan-rancangan perkhidmatan dan laporan kewangan bulanan;

(vi) Mengkaji laporan-laporan dan penyata kewangan beraudit yang telah diperiksa oleh Juruaudit dan membentangkannya kepada Mesyuarat Agung;

(vii) Mengkaji cadangan-cadangan pembelian dan penjualan harta-harta untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(viii) Mengkaji dan memberi kebenaran kepada Pengurus Besar atau Pengerusi Jemaah Pengarah untuk memborong, membuat kontrak dan lain-lain urusan bagi pihak Pertubuhan ini, tertakluk kepada Perkara 59;

(ix) Mencadang dan mengkaji pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Pertubuhan ini untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(x) Mengaturkan mesyuarat-mesyuarat dan menyediakan perkara-perkara untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(xi) Mengemukakan dokumen-dokumen dan laporan-laporan yang sah kepada Pendaftar untuk pertimbangan;

(xii) Mengeluarkan saham-saham baru dan menjalankan kutipan ansuran-ansuran saham;

(xiii) Melantik jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau pakar-pakar bagi membantu Jemaah Pengarah;

(xiv) Menerima perlantikan Pengurus Besar dan/atau pekerja yang dipinjamkan/ditempatkan oleh Lembaga/Kerajaan; dan

(xv) Membuat peraturan-peraturan kecil dengan syarat mendapat kelulusan Mesyuarat Agung dan Pendaftar.

50. (i) Perkhidmatan Jemaah Pengarah hendaklah secara kehormat dan tidaklah membayar apa-apa gaji kepada mereka, kecuali bayaran honorarium seperti subperkara 64(ii)(c) Perlembagaan ini yang dipersetujui dan diluluskan oleh anggota-anggota dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Bagi menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jemaah Pengarah, Jawatankuasa Kecil dan lain-lain mesyuarat Pertubuhan ini, Pengarah itu bolehlah dibayar tambang dan elaun dari semasa ke semasa. *Bayaran Kepada Jemaah Pengarah*

(ii) Pertubuhan ini tidak membayar apa-apa perbelanjaan selain daripada tambang kepada wakil-wakil kerana menghadiri Mesyuarat Agung Pertubuhan ini.

51. (i) Mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah diadakan sekali dalam masa dua (2) bulan; *Kuorum Dan Perjalanan Mesyuarat Jemaah Pengarah Tidak Terbatal*

(ii) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jemaah Pengarah ialah tujuh (7) daripada bilangan anggota-anggotanya;

(iii) Perjalanan mesyuarat Jemaah Pengarah jika ada kuorumnya tidak akan terbatal oleh kerana —

(a) Ada sebarang kekosongan dalam keanggotaan Jemaah Pengarah itu;

(b) Ada terdapat sebarang kesilapan mengenai pemilihan atau perlantikan seorang Pengarah;

(c) Ada terdapat sebarang kesilapan yang kecil mengenai perjalanan mesyuarat itu; atau

(d) Ada kehadiran atau penyertaan seseorang yang tidak layak menghadiri atau menyertai mesyuarat itu.

(iv) Jika Pengerusi sesuatu mesyuarat tidak hadir, maka Ahli-ahli Jemaah Pengarah yang hadir boleh, jika kuorum mencukupi, melantik seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

52. (i) Wakil-wakil Kawasan daripada mana-mana unit anggota Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah seperti berikut — Bilangan Wakil-wakil Pindaan 2016 (AP : Bil.2/2016)

(a) Bagi Pertubuhan Peladang Kawasan yang bilangan anggotanya melebihi satu ribu orang-

(i) Lima (5) orang wakil-wakil kawasan bagi satu ribu orang anggota pertama; dan

(ii) Seorang Wakil Kawasan bagi setiap satu ribu orang anggota yang berikutnya; atau bagi setiap anggota yang berikutnya yang kurang daripada satu ribu orang; atau

(b) Bagi Pertubuhan Peladang Kawasan yang bilangan anggotanya kurang daripada satu ribu orang, lima (5) orang Wakil-wakil Kawasan.

(ii) Wakil-wakil Kawasan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperkara 52(i) hendaklah -

(a) Termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan; dan

(b) Tidak melebihi 11 orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Kawasan; dan

(iii) Walau apapun subperkara (i) bilangan wakil-wakil unit atau wakil-wakil kawasan daripada mana-mana unit anggota di Negeri Sarawak hendaklah ditentukan oleh Pendaftar.

(iv) Jumlah Wakil-wakil Negeri untuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan hendaklah seperti yang berikut —

(a) Bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan anggotanya melebihi lima ribu orang-

(i) Lima (5) orang Wakil-wakil Negeri bagi lima ribu orang anggota pertama; dan

(ii) Dua (2) orang Wakil-wakil Negeri bagi setiap lima ribu anggota yang berikutnya; atau bagi setiap anggota yang berikutnya yang kurang daripada lima ribu orang; atau

(b) Bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan anggotanya kurang

daripada lima ribu orang, lima (5) orang Wakil-Wakil Negeri.

(v) Jumlah Wakil-wakil Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam subperkara 54(iv) hendaklah —

(a) Termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan

(b) Tidak melebihi 51 orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan

(vi) Penentuan anggota yang layak untuk menentukan jumlah Wakil-wakil Unit, Wakil-wakil Kawasan; atau Wakil-wakil Negeri; adalah sebelum 30 haribulan April bagi tahun suatu pemilihan hendak diadakan.

53. Pencalonan dan pemilihan Pengarah-pengarah hendaklah mengikut syarat-syarat dalam Perlembagaan dan Peraturan-peraturan.

Syarat-syarat Pemilihan Wakil-wakil Dan Pengarah-pengarah

**PENGURUS BESAR**

54. (i) Sekiranya Lembaga tidak menempatkan atau meminjamkan Pengurus Besar dari semasa ke semasa, Jemaah Pengarah dengan kelulusan Pendaftar bolehlah melantik dan memberhentikan Pengurus Besar bagi Pertubuhan ini dengan syarat-syarat yang tertentu mengenai tempoh perkhidmatan, gaji, kuasa, kerja-kerja, elaun dan lain-lain kemudahan yang difikirkan patut. Jemaah Pengarah dengan kelulusan Pendaftar bolehlah dari masa ke semasa meminda syarat-syarat mengenai lantikan Pengurus Besar ini dengan syarat tidaklah diberi kepada Pengurus Besar itu kuasa dan kerja-kerja yang mana Jemaah Pengarah sendiri tidak dibenarkan menjalankan;

(ii) Pengurus Besar hendaklah menjadi Setiausaha kepada Mesyuarat Jemaah Pengarah;

(iii) Bahagian-bahagian pergerakan boleh ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan Pertubuhan ini seperti mana yang diarahkan oleh Pendaftar.

**TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS BESAR**

55. (i) Pengurus Besar Pertubuhan ini akan bekerja sepenuh masa dan akan bertanggungjawab kepada Jemaah Pengarah dalam menguruskan semua perniagaan dan pergerakan Pertubuhan mengikut dasar dan keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Agung Perwakilan atau Jemaah Pengarah Pertubuhan. Tugas-tugas dan tanggungjawab Pengurus Besar adalah seperti berikut —

Tugas-tugas Dan Kewajipan Pengurus Besar

(a) Menguruskan semua perniagaan dan kegiatan-kegiatan Pertubuhan;

(b) Memberi syor atau pandangan kepada Jemaah Pengarah jumlah pekerja yang dikehendaki atau yang hendak dibuang;

(c) Menyelia dan memimpin pekerja-pekerja yang bekerja dengan Pertubuhan;

(d) Mengesyorkan kepada Jemaah Pengarah jumlah gaji, elaun atau saguhati yang patut dibayar kepada pekerja-pekerja Pertubuhan;

(e) Mengesyorkan kepada Jemaah Pengarah tentang kenaikan pangkat, penurunan pangkat, membahagikan atau menukarkan kerja-kerja pekerja Pertubuhan;

(f) Menyediakan rancangan-rancangan urusan perniagaan dan belanjawan bulanan dan perbelanjaan tahunan Pertubuhan dan mengemukakan untuk persetujuan Jemaah Pengarah;

(g) Menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan bulanan dan tahunan, penyata urusan-urusan perniagaan bulanan dan tahunan serta penyata kewangan dan mengemukakan untuk persetujuan oleh Jemaah Pengarah;

(h) Menyediakan penyata belanjawan dan perkhidmatan untuk Jemaah Pengarah bagi dikemukakan kepada Mesyuarat Agung perwakilan;

(i) Menjalankan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung Perwakilan.

(ii) Laporan-laporan dan dokumen-dokumen hendaklah disiapkan oleh Pengurus Besar dalam tempoh berikut —

(a) Rancangan perkhidmatan tahunan dan belanjawan pendapatan dan perbelanjaan pembahagian perkembangan untuk tahun hadapan disediakan sebelum akhir bulan Ogos;

(b) Rancangan perkhidmatan tahunan dan anggaran perbelanjaan pendapatan tahun hadapan bagi bahagian-bahagian kredit dan ekonomi disediakan sebelum akhir bulan Ogos;

(c) Laporan perkhidmatan tahunan dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi Tahun lepas bagi bahagian perkembangan disediakan sebelum akhir bulan Februari;

(d) Laporan perkhidmatan tahunan dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun lepas bagi bahagian-bahagian kredit dan ekonomi sebelum akhir bulan Februari;

(e) Penyata kewangan beraudit yang telah disatukan bagi tahun lepas dan penyata harta benda Pertubuhan bagi tahun yang lepas sebelum akhir bulan Februari;

(f) Jadual perlaksanaan perkhidmatan tahunan dan laporan bulanan tiap-tiap bulan.

56. (i) Semua pekerja Pertubuhan ini akan bekerja sepenuh masa. Mereka tidak boleh memegang jawatan lain dalam masa perkhidmatan seperti jawatan-jawatan lain di syarikat-syarikat ataupun badan-badan perusahaan, dan mereka juga tidak dibenarkan memegang jawatan yang bergaji di mana-mana Pertubuhan;

Lain-lain Tanggungjawab Jemaah Pengarah, Pengurus Besar Dan Pekerja

(ii) Pengurus Besar atau pekerja yang bertugas akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pertubuhan ini akibat dari kecuaian mereka;

(iii) Wang simpanan anggota-anggota tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain tanpa kebenaran Jemaah Pengarah. Sekiranya ada kekurangan, Pengurus Besar dan pekerja yang terlibat dalam urusan kewangan akan bertanggungjawab

memenuhi kekurangan untuk dibayar balik kepada anggota;

(iv) Pertubuhan ini tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang tidak mendapat keputusan mesyuarat Jemaah Pengarah. Jika kerugian itu disebabkan oleh urusan-urusan yang dilaksanakan mengikut keputusan Jemaah Pengarah yang bertentangan dengan undang-undang, Peraturan-peraturan dan Perlembagaan atau tidak mengikut kehendak-kehendak Pertubuhan ini, Pengurus Besar dan Ahli-ahli Jemaah Pengarah akan bertanggungjawab bersama atas pembayaran balik atas kerugian-kerugian itu.

**PENYELENGGARAAN KIRA-KIRA DAN RESIT-RESIT**

57. (i) Kira-kira wang Pertubuhan ini hendaklah diselenggarakan oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa; Penyelenggaraan Kira-kira

(ii) Cek Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah atau dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa.

58. Resit-resit yang dikeluarkan kerana wang yang dibayar kepada Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pegawai atau Pekerja yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa. Resit-resit

**SURAT-SURAT PERJANJIAN, GADAIAN DAN LAIN-LAIN**

59. Segala surat-surat perjanjian, gadaian, pindahmilik, sewa tanah dan lain-lain surat (instruments) yang sedemikian yang diperbuat bagi pihak Pertubuhan ini selain daripada sebarang surat (instruments) yang dimeteraikan dengan mohor Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah dan dua (2) orang Pengarah yang telah diberi kuasa oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa. Kuasa Menandatangani Surat Perjanjian, Gadaian Dan Lain-lain

**PERJANJIAN DAN SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN**

60. (i) Jemaah Pengarah boleh menetapkan bahawa tiap-tiap anggota yang mendapat kredit pertanian bagi satu-satu tujuan pengeluaran pertanian daripada Pertubuhan ini supaya mengikat satu (1) perjanjian bertulis dengan Pertubuhan ini supaya melupuskan kesemua atau apa-apa amaun, kadar atau jenis tertentu daripada hasil pertaniannya melalui Pertubuhan ini untuk dipasarkan atau diproseskan; Perjanjian Antara anggota Dan Pertubuhan Dan Syarat-syaratnya

(ii) Sebarang pelanggaran terhadap perjanjian yang tersebut dalam subperkara 60(i) Perlembagaaan ini hendaklah menyebabkan anggota itu dikenakan denda sebagaimana yang disyaratkan di dalam perjanjian. Denda yang demikian itu hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Rezab; dan

(iii) Pertubuhan dan Anggota hendaklah dikecualikan dan terlepas buat sementara daripada tanggungan-tanggungan yang ditentukan oleh subperkara 60(i) dan (ii) jika Pertubuhan ini digantung ataupun dibubarkan.

61. (i) Daripada pendapatan jualan-jualan hasil pengeluaran Pertubuhan ini hendaklah ditolak— Pendapatan Jualan-jualan

(a) Semua perbelanjaan yang berlaku kerana memasarkan hasil pengeluaran;

(b) Komisyen di atas baki setelah ditolak perbelanjaan di atas sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah;

(c) Disyaratkan iaitu sekiranya, setelah ditolak perbelanjaan di dalam subperkara 61 (i) (a) dan komisyen di dalam subperkara 61 (i) (b), wang yang berbaki itu adalah mencukupi, maka bolehlah Jemaah Pengarah mengikut timbangannya menolak daripada baki itu segala wang atau sebahagian daripadanya yang terhutang oleh anggota-anggota kepada Pertubuhan ini kerana pembelian barang-barang keperluan daripada Pertubuhan ini oleh anggota dan/atau ansuran-ansuran bagi pinjaman yang diberi serta faedah di atasnya.

(ii) Baki kemudian daripada itu hendaklah dibayar kepada anggota pada masa-masa yang ditetapkan oleh Jemaah Pengarah.

62. Semua jualan-jualan kepada anggota hendaklah dengan tunai. Jemaah Pengarah boleh membenarkan jualan berhutang dengan syarat — *Jualan Kepada Anggota-anggota*

(i) Hutang itu tidak lebih dari jumlah wang pertaruhan anggota dan/atau;

(ii) Hutang itu ditetapkan setinggi-tinggi hadnya oleh Jemaah Pengarah mengikut Kemampuan dan tanggungan anggota itu dengan syarat pembayaran kembali hendaklah mengikut Perkara 61.

## TAHUN KEWANGAN DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

63. Maka tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bermula pada 1 haribulan Januari dan berakhir pada 31 haribulan Disember. *Tahun Kewangan*

64. (i) Daripada keuntungan bersih tahunan yang diperolehi oleh Pertubuhan ini pada tiap-tiap tahun, maka dua puluh lima peratus (25%) atau kurang darinya sebanyak mana yang ditetapkan oleh Pendaftar hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Rezab; *Pembahagian Keuntungan*

(ii) Maka baki daripadanya itu setelah ditolak tidak lebih dari dua peratus (2%) atau maksima Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) (yang mana yang kurang) untuk Kumpulan Wang Yayasan Pelajaran Peladang, NAFAS, boleh dibahagikan kepada satu atau lebih kegunaan sebagaimana berikut mengikut timbangan Mesyuarat Agung Tahunan. *Pindaan 1997 (AP : Bil.2/1997)*

(a) Pembayaran dividen atau dividen naungan kepada anggota-anggota dan unit-unit anggota;

(b) Pembayaran bonus kepada pekerja-pekerja;

(c) Pembayaran honorarium kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah;

(d) Tidak lebih dua puluh peratus (20 %) sebagai bayaran hadiah atas langganan kepada anggota-anggota;

(e) Sumbangan kepada Kumpulan Wang Menebus Saham;

(f) Mengadakan Kumpulan-kumpulan Wang yang dipersetujui oleh Mesyuarat Agung dan yang dipersetujui oleh Pendaftar atau diarahkan oleh

Pendaftar; dan

(g) Apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan dalam Perlembagaan ini atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang.

(iii) Pendaftar boleh menghadkan amaun honorarium untuk dibayar kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang;

(iv) Tiada Pertubuhan Peladang boleh membayar dividen atas saham-saham lebih daripada sepuluh peratus (10%) tanpa kelulusan Pendaftar;

(v) Pembayaran ke dalam suatu Kumpulan-kumpulan Wang tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada baki keuntungan bersih selepas dibuat pembayaran ke dalam Kumpulan Wang Rezab;

(vi) Maka tidak boleh keuntungan-keuntungan itu dibahagi-bahagikan sehingga kira-kira itu telah diaudit dan disahkan oleh Juruaudit dan dipersetujui oleh Pendaftar; dan

(vii) Bahagian-bahagian untung kepada sebarang anggota itu boleh digunakan untuk bayaran hutang anggota-anggota itu atau dimasukkan ke dalam kira-kira saham anggota-anggota yang berkenaan itu dengan persetujuannya.

**KUMPULAN WANG**

65. (i) Kumpulan Wang Rezab tidak boleh dibahagi-bahagikan dan tidak sesiapa pun berhak menuntut bahagian tertentu di dalamnya; *Kumpulan Wang Rezab*

(ii) Tertakluk kepada kelulusan Pendaftar, Kumpulanwang Rezab boleh digunakan untuk menampung kerugian-kerugian yang ditanggung oleh Pertubuhan ini.

66. Tertakluk kepada subperkara 65(ii) Perlembagaan ini maka kumpulan-kumpulan wang Pertubuhan ini hendaklah digunakan terutamanya bagi memajukan perjalanan Pertubuhan ini atau disimpan dalam sebarang Bank yang dipersetujui oleh Pendaftar atau diperniagakan (invest) mengikut syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan. *Menggunakan Kumpulan-kumpulan Wang*

67. Kira-kira dan buku-buku hendaklah disimpan mengikut seperti yang diatur oleh Pendaftar iaitu Manual Perakaunan Pertubuhan Peladang. Penyediaan penyata kewangan hendaklah mengikut syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan. *Kira-kira Dan Buku-buku*

68. Segala buku-buku Pertubuhan ini, Laporan Audit dan Penyata Kewangan yang akhir hendaklah dibuka untuk pemeriksaan anggota-anggota dengan percuma pada bila-bila masa di alamat Pertubuhan ini. Maka tidak dibenarkan sesiapa pun juga melihat kira-kira pertaruhan anggota-anggota yang lain melainkan dengan kebenaran yang bertulis dari mereka berkenaan. *Pemeriksaan Buku-buku Oleh Anggota-anggota*

**MOHOR**

69. Pertubuhan ini hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidaklah boleh dimeteraikan ke atas sebarang surat (instrument) melainkan dengan keputusan Jemaah Pengarah dan berhadapan Pengerusi Jemaah Pengarah dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah bagi maksud itu hendaklah ditandatangani oleh mereka berdua itu. *Mohor*

## PERBALAHAN

70. Semua perbalahan bersabit dengan perjalanan Pertubuhan ini hendaklah dirujukkan kepada Pendaftar untuk diselesaikan mengikut Peraturan-peraturan. Perbalahan

## PEMBUBARAN

71. Pertubuhan ini hanya boleh dibubarkan dengan perintah Pendaftar mengikut Peraturan-Peraturan. Apabila Pertubuhan ini dibubarkan, harta-hartanya hendaklah digunakan mengikut Peraturan-Peraturan. Pembubaran

## AM

72. Anggota-Anggota hendaklah memberitahu kepada Pengerusi Jemaah Pengarah segala perubahan dengan alamatnya. Semua surat-surat notis yang dihantar atau dikirimkan kepada alamat yang terakhir hendaklah dianggap sudah disampaikan. Alamat Anggota-anggota

73. Sebarang wang yang telah sampai tempoh di atas kira-kira Pertubuhan ini kepada sebarang anggota atau anggota yang telah lalu atau mereka yang dituntut menerusi anggota itu boleh ditolak buat bayaran seberapa banyak wang yang anggota itu berhutang kepada Pertubuhan ini. Penyelarasan Hutang Di Antara Anggota Dengan Pertubuhan

74. (i) Minit-minit Mesyuarat Agung Perwakilan dan Jemaah Pengarah hendaklah diselenggarakan dengan sempurna dan lengkap dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Pengurus Besar; Minit Mesyuarat

(ii) Satu salinan minit mesyuarat tersebut hendaklah dihantar kepada Pendaftar dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat-mesyuarat tersebut.

75. Tertakluk kepada kebenaran Pendaftar, maka hendaklah Pertubuhan ini dengan maksud hendak memajukan tujuan-tujuan masuk menjadi anggota lain-lain Pertubuhan di Malaysia atau luar negeri hendaklah membayar daripada Kumpulan Wang segala bayaran-bayaran dan lain-lain yuran seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan Pertubuhan yang berkenaan. Menjadi Anggota Kepada Lain-lain Pertubuhan

## AKTA, PERATURAN-PERATURAN DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

76. Pindaan-pindaan kepada Perlembagaan ini hendaklah mengikut Peraturan-peraturan. Pindaan Perlembagaan

77. (i) Perlembagaan ini adalah tertakluk kepada dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Akta, Peraturan-peraturan dengan syarat bahawa jika ada apa-apa perselisihan di antara Perlembagaan ini dengan Akta atau Peraturan-peraturan, Akta dan Peraturan-peraturan hendaklah dipakai. Perlembagaan Hendaklah Mengikut Akta Dan Peraturan-peraturan

(ii) Tidak ada tambahan atau perubahan kepada Perlembagaan ini boleh dibuat tanpa kebenaran Pendaftar terlebih dahulu.

Diakui sah:

..........................................

Pengerusi

.....................................

...................................

Ahli Jemaah Pengarah

Ahli Jemaah Pengarah

# PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

## SUSUNAN PERKARA-PERKARA


| BIL | PERKARA |
|---|---|
| | **NAMA, ALAMAT DAN KAWASAN PENGENDALIAN** |
| 1 | Nama |
| 2 | Pertubuhan Peladang hendaklah menjadi Pertubuhan Perbadanan |
| 3 | Kawasan Pengendalian |
| 4 | Ibu Pejabat |
| | **TAFSIRAN** |
| 5 | Tafsiran |
| | **TUJUAN-TUJUAN DAN KUASA-KUASA** |
| 6 | Tujuan-tujuan |
| 7 | Kuasa-kuasa |
| 8 | Had-had Kegiatan |
| | **KEANGGOTAAN, HAK-HAK KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN** |
| 9 | Anggota-anggota |
| 10 | Permohonan Menjadi Anggota |
| 11 | Bayaran Masuk |
| 12 | Hak dan Kewajipan |
| 13 | Hak-hak dan Kuasa-kuasa Anggota |
| 14 | Tanggungan Anggota |
| 15 | Berhenti Menjadi Anggota |
| 16 | Meminta Berhenti |
| 17 | Pecat Anggota Oleh Jemaah Pengarah |
| | **KUMPULAN-KUMPULAN WANG** |
| 18 | Kumpulan Wang |
| | **SAHAM-SAHAM** |
| 19 | Saham-saham |
| 20 | Pegangan Saham oleh Anggota-anggota |
| 21 | Tuntutan Pertama Atas Saham |
| 22 | Syarat-syarat Mengenai Pindahan Saham |
| 23 | Penolakan dan Sekatan Atas Pindahan Saham |

24 Bayaran Kerana Mendaftarkan Pindahan
25 Saham-saham Tidak Boleh Dikembalikan Kepada Pertubuhan


**YURAN-YURAN**


26 Yuran Tahunan (Dimansuhkan Pindaan 2008 (Arahan Pendaftar (AP: Bil. 2/2008))
27 Penggantungan Hak Anggota Jika Yuran Tidak Dibayar (Dimansuhkan – AP: Bil. 2/2008)
28 Yuran-yuran Tidak Dikembalikan (Dimansuhkan – AP: Bil. 2/2008)


**PINJAMAN LUAR DAN WANG PERTARUHAN**


29 Had Pinjaman dari Luar
30 Wang-wang pertaruhan


**MESYUARAT AGUNG**


31 Kuasa Tertinggi
32 Jenis-Jenis Mesyuarat Agung dan Perjalanannya
33 Mesyuarat Agung Tahunan
34 Tugas-tugas dan Tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan
35 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
36 Kuasa Pendaftar mengadakan Mesyuarat Agung
37 Mesyuarat Agung Luar Biasa
38 Kuorum Mesyuarat Agung
39 Pengerusi Mesyuarat Agung
40 Kuasa Mengundi


**JEMAAH PENGARAH DAN WAKIL-WAKIL**


41 Pentadbiran Pertubuhan
42 Tempoh Berkhidmat
43 Lantikan Pengerusi
44 Tugas Pengerusi
45 Larangan kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah
46 Berhenti daripada Jemaah Pengarah
47 Pengarah kena beri keterangan jika mempunyai faedah dalam sesuatu kontrak
48 Mengisi kekosongan dalam Jemaah Pengarah
49 Tugas-tugas Jemaah Pengarah
50 Bayaran kepada Jemaah Pengarah
51 Kuorum dan perjalanan Jemaah Pengarah tidak terbatal
52 Bilangan wakil-wakil
53 Syarat-syarat pemilihan wakil-wakil dan pengarah-pengarah


**PENGURUS BESAR**


54 Pengurus Besar

**TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS BESAR**

55 Tugas-tugas dan kewajipan Pengurus Besar
56 Lain-lain tanggungjawab Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan Pekerja

**PENYELENGGARAAN KIRA-KIRA DAN RESIT**

57 Penyelenggaraan kira-kira
58 Resit-resit

**SURAT-SURAT PERJANJIAN, GADAIAN DAN LAIN-LAIN**

59 Kuasa menandatangani surat perjanjian, gadaian dan lain-lain

**PERJANJIAN DAN SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN**

60 Perjanjian di antara anggota dan Pertubuhan dan syarat-syaratnya
61 Pendapatan jualan-jualan
62 Jualan kepada anggota-anggota

**TAHUN KEWANGAN DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**

63 Tahun Kewangan
64 Pembahagian keuntungan

**KUMPULAN WANG**

65 Kumpulan Wang Rezab
66 Menggunakan Kumpulan-kumpulan wang
67 Kira-kira dan buku-buku
68 Pemeriksaan buku-buku oleh anggota-anggota

**MOHOR**

69 Mohor

**PERBALAHAN**

70 Perbalahan

**PEMBUBARAN**

71 Pembubaran

**AM**


72 Alamat anggota-anggota
73 Penyelarasan hutang anggota dengan Pertubuhan
74 Minit Mesyuarat.
75 Menjadi anggota kepada lain-lain pertubuhan


**AKTA, PERATURAN-PERATURAN DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN**


76 Pindaan Perlembagaan
77 Perlembagaan hendaklah mengikut Akta dan Peraturan-peraturan

## PERLEMBAGAAN

## PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN

### NAMA, ALAMAT DAN KAWASAN PENGENDALIAN

1. Pertubuhan ini akan dinamakan **PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN** selanjutnya akan dipanggil "Pertubuhan" dalam Perlembagaan ini dan dikenali dengan nama ringkasnya NAFAS (National Farmers' ORGANIZATION). — Nama

2. Pertubuhan hendaklah menjadi suatu Pertubuhan Perbadanan yang kekal turun temurun dengan mempunyai suatu meterai dan hendaklah mempunyai kuasa bagi membuat kontrak, bagi memulakan dan membela tindakan guaman dan perbicaraan di sisi undang-undang dan bagi hendaklah membuat segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 6 Akta. — Pertubuhan Peladang Hendaklah Menjadi Pertubuhan Perbadanan

3. Kawasan pengendalian Pertubuhan ini adalah meliputi seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Semua Mesyuarat Pertubuhan hendaklah diadakan di kawasan pengendalian ini — Kawasan Pengendalian

4. Ibu Pejabat Pertubuhan ini adalah di **Lot 1, Jalan Teknologi 3/5, Taman Sains Selangor 1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.** — Ibu Pejabat

### TAFSIRAN

5. Maka di dalam Perlembagaan ini melainkan maksud berkehendakkan makna lain maka perkataan— — Tafsiran

(i) "Akta" maknanya Akta Pertubuhan Peladang 1973;

(ii) "Peraturan-peraturan" maknanya Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang, 1973;

(iii) "Jemaah Pengarah" maknanya Jemaah Pengarah Pertubuhan ini yang dilantik atau dipilih mengikut Perlembagaan ini untuk mengurus hal ehwal dan lain-lain perkara yang diamanahkan kepadanya;

(iv) "Lembaga" maknanya Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973;

(v) "Menteri" maknanya Menteri yang bertanggungjawab atas Lembaga Pertubuhan Peladang;

(vi) "Pekerja" maknanya kakitangan-kakitangan yang bekerja di Pertubuhan ini dan menerima gaji darinya dan/atau mana-mana kakitangan yang ditugaskan /dipinjamkan oleh Lembaga;

(vii) "Pegawai" maknanya ahli-ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan ini dan wakil-wakil yang dipilih oleh anggota-anggota Pertubuhan ini;

(viii) "Pendaftar" maknanya Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973;

(ix) "Perlembagaan" maknanya Perlembagaan bagi Pertubuhan ini yang telah didaftarkan oleh Pendaftar;

(x) "Anggota" maknanya sesebuah Pertubuhan Peladang Negeri yang menjadi anggota Pertubuhan ini.

**TUJUAN-TUJUAN DAN KUASA-KUASA**

6. Tujuan-tujuan Pertubuhan ini ialah untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan dan membaiki cara hidup anggota-anggota serta mewujudkan satu masyarakat tani yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu padu. Tujuan-tujuan

7. Untuk mencapai tujuan-tujuannya, Pertubuhan ini hendaklah mempunyai kuasa — Kuasa-kuasa

(i) Bagi membuat kontrak, bagi memulakan dan membela tindakan guaman dan perbicaraan di sisi undang-undang;

(ii) Bagi memperolehi dengan jalan pajakan, pembelian, derma, pemberian, divais, pemberian wasiat atau dengan jalan-jalan lain sesuatu harta alih atau harta tak alih bagi mana-mana daripada tujuan Pertubuhan itu dan bagi maksud-maksud itu boleh menjual atau memajukan atau dengan cara lain membuat apa-apa urusan berkenaan dengan mana-mana harta itu;

(iii) Bagi membuat segala perkara yang perlu dan khususnya tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang di atas, kuasa-kuasa yang berikut —

(a) Mengadakan rancangan-rancangan latihan dan menambah kemahiran dengan memberi perkhidmatan, perkembangan dalam bidang kemajuan pertanian, perkebunan, penternakan binatang-binatang, perusahaan desa, perusahaan ekonomi, pertanian, ekonomi rumahtangga dan lain-lain rancangan bagi peladang-peladang, suri-suri rumahtangga dan belia-belia;

(b) Meluaskan pengeluaran pertanian di kalangan peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil untuk mencapai pelbagaian dan perniagaan pertanian;

(c) Mengadakan bekalan-bekalan ladang dan keperluan–keperluan harian termasuk lain-lain kemudahan yang dikehendaki bagi perladangan yang progresif dan kehidupan luar bandar yang lebih baik;

(d) Mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kredit dan bagi memajukan pelaburan yang lebih besar dalam bidang-bidang pertanian dan ekonomi;

(e) Mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kredit dan bagi memajukan pelaburan yang lebih besar dalam bidang-bidang pertanian dan ekonomi;

(f) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menawarkan perkhidmatan bagi simpanan wang luar bandar;

(g) Mengadakan perkhidmatan pemasaran, penyimpanan, kompleks

pengeringan, pergudangan dan lain-lain kemudahan;

(h) Mengendalikan dan mengadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan bagi menambah usaha-usaha pemasaran pertanian dan lain-lain usaha yang berkaitan;

(i) Menubuhkan dan mengendalikan loji-loji memproses dan kompleks-kompleks mengilang yang perlu bagi memproses hasil pertanian;

(j) Memudahkan pembentukan modal dan menggalakkan pelaburan di kalangan peladang-peladang melalui penyertaan ekuiti dalam usaha-usaha perladangan dan perniagaan pertanian;

(k) Membantu anggota-anggota dalam memperolehi tanah baru dan menjalankan projek kemajuan tanah bagi faedah anggota-anggota;

(l) Menggalakkan dan mempergiat tindakan kumpulan melalui berbagai projek kemasyarakatan dan memudahkan kemajuan pimpinan.

8. Segala aktiviti-aktiviti perkhidmatan Pertubuhan ini akan dihadkan untuk anggota-anggota Pertubuhan ini sahaja. Sebaliknya, dengan persetujuan Pendaftar, perkhidmatan-perkhidmatan khas boleh diberi kepada pihak-pihak yang bukan anggota dengan dikenakan komisyen yang ditetapkan oleh Pertubuhan ini. Had-had Kegiatan

**KEANGGOTAAN, HAK-HAK, KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN**

9. Anggota-anggota Pertubuhan ini adalah terbuka kepada Pertubuhan-Pertubuhan Peladang Negeri. Anggota-anggota

10. (i) Untuk menjadi anggota Pertubuhan ini, tiap-tiap Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah menyampaikan permohonan untuk menjadi anggota di dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar. Tiap-tiap permohonan hendaklah disertai dengan dokumen-dokumen seperti berikut — Permohonan Menjadi Anggota

(a) Perlembagaan;

(b) Penyata kewangan beraudit bagi tahun yang terakhir;

(c) Satu (1) salinan minit-minit Mesyuarat Agung dimana satu usul khas mempersetujui masuk menjadi anggota dalam Pertubuhan ini diluluskan;dan

(d) satu senarai nama Ahli-ahli Jemaah Pengarah dan Pengurus Besar serta alamat-alamat mereka.

(ii) Borang permohonan dan dokumen-dokumen berkenaan akan disemak dan dipertimbangkan oleh Jemaah Pengarah. Jika diluluskan satu (1) sijil atau kad keanggotaan akan dikeluarkan kepada anggota-anggota oleh Pertubuhan ini.

(iii) Jemaah Pengarah boleh menolak sebarang permohonan tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Jika ditolak sesuatu permohonan, maka pemohon boleh, dalam tempoh 14 hari selepas diberitahu penolakkannya itu, merayu kepada Pendaftar yang akan membuat keputusan muktamad.

11. Tiap-tiap pemohon hendaklah membayar bayaran masuk sebanyak **RM100.00** Bayaran ini hendaklah disertai bersama-sama dengan permohonan. — Bayaran Masuk

12. Anggota-anggota tidak boleh menjalankan hak-haknya sehingga mereka telah membayar bayaran masuk dan harga satu (1) saham seperti yang ditetapkan Perkara 20(i) Perlembagaan Pertubuhan ini atau memperolehi apa-apa kepentingan di dalam Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan atau Perlembagaan Pertubuhan ini. — Hak Dan Kewajipan

13. Anggota hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan hak-hak yang berikut — — Hak-hak Dan Kuasa-kuasa Anggota

(i) Memilih Wakil-wakil;

(ii) Dipilih sebagai wakil atau memegang sebarang jawatan dalam Pertubuhan ini;

(iii) Menyuarakan pendapatnya atau memberi undinya di dalam Mesyuarat Agung;

(iv) Memperolehi segala kepentingan Pertubuhan ini sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan atau Perlembagaan ini.

14. Maka tanggungan anggota-anggota Pertubuhan ini hendaklah terhad kepada jumlah saham yang diambil olehnya di dalam Pertubuhan ini. — Tanggungan Anggota

15. Sesuatu anggota adalah terhenti keanggotaanya kerana — — Berhenti Menjadi Anggota

(i) Diisytiharkan bankrap;

(ii) Berhenti mengikut Perkara 16 Perlembagaan ini;

(iii) Dipecat mengikut perkara 17 Perlembagaan ini;

(iv) Pendaftarannya dibatalkan; dan

(v) Tidak mempunyai saham yang cukup mengikut Perkara 20(i) Perlembagaan ini.

16. (i) Mana-mana anggota yang tidak berhutang kepada Pertubuhan ini boleh berhenti daripada menjadi anggota dengan memberi notis secara bertulis 12 bulan terlebih dahulu kepada Jemaah Pengarah. Dalam hal yang dikecualikan, Jemaah Pengarah bolehlah menimbangkan notis meminta berhenti dalam masa yang singkat lagi. — Meminta Berhenti

(ii) Notis menarik diri oleh anggota hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua (2) orang Jemaah Pengarah anggota yang menarik diri itu dan hendaklah disertakan satu salinan ketetapan yang diperbuat oleh Mesyuarat Agung anggota itu yang membenarkannya menarik diri.

17. (i) Jemaah Pengarah bolehlah memecat sesuatu anggota kerana sebarang perbuatannya yang difikirkan oleh Jemaah Pengarah berlawanan dengan perjalanan, peraturan, tujuan atau muslihat Pertubuhan ini, atau sebarang perbuatan anggota itu yang membahayakan keadaan Pertubuhan ini; — Pecat Anggota Oleh Jemaah Pengarah

(ii) Tindakan memecat anggota tidak boleh diambil kecuali anggota itu terlebih dahulu diberitahu akan kesalahannya dan diberi peluang memberi keterangan atau penjelasan;

(iii) Jika sesuatu anggota yang dipecat tidak berpuas hati atas pemecatannya, ia bolehlah, dalam tempoh 14 hari dari tarikh diberitahu keputusan pemecatannya itu, merayu kepada Pendaftar yang akan membuat keputusan muktamad;

(iv) Anggota yang dipecat hendaklah menyerah balik sijil keanggotaan dan membayar atau menyelesaikan dengan serta merta segala hutang-hutang dan tanggungannya kepada Pertubuhan.

**KUMPULAN-KUMPULAN WANG**

18. Kumpulan wang Pertubuhan ini terdiri daripada — Kumpulan Wang

(i) Bayaran masuk;

(ii) Saham-saham;

(iii) Yuran-yuran;

(iv) Pertaruhan-pertaruhan daripada anggota-anggota dan bukan anggota;

(v) Pinjaman-pinjaman dari luar;

(vi) Keuntungan bersih yang belum dibahagi-bahagikan;

(vii) Derma-derma atau pemberian;

(viii) Kumpulan Wang Menebus Saham;

(ix) Lain-lain Kumpulan Wang yang dipersetujui oleh Pendaftar.

**SAHAM-SAHAM**

19. Modal saham yang dibenarkan bagi Pertubuhan ini ialah sebanyak RM ………………..dibahagikan kepada ………………. saham yang berharga RM 1.00 satu saham. Saham-saham

20. (i) Tiap-tiap ahli hendaklah memiliki saham-saham tidak kurang dari ………………………….. saham berharga RM 1.00 tiap-tiap satu; Pegangan Saham Oleh Anggota-anggota

(ii) Tiap-tiap anggota boleh menambah saham-sahamnya dari semasa ke semasa;

(iii) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil 4/2008)

21. Pertubuhan ini hendaklah mempunyai tuntutan-tuntutan yang pertama dan utama atas segala saham-saham yang didaftarkan atas nama tiap-tiap anggota Pertubuhan ini di atas segala hutang-hutang, tanggungjawab-tanggungjawab atau tanggungan-tanggungan anggota itu. Tuntutan Pertama Atas Saham

22. Pindahan saham-saham bolehlah dibenarkan dengan syarat — Syarat-syarat Mengenai Pindahan Saham

(i) Anggota itu telah memiliki saham-saham;

(ii) Pindahan itu diperbuat kepada mana-mana anggota Pertubuhan ini;

(iii) Jemaah Pengarah mempersetujui akan anggota yang menerima pindahan (transferee) dengan membenarkan pindahan itu;

(iv) Pindahan itu tidak memberi bekas sehingga nama anggota yang menerima pindahan (transferee) itu telah dimasukkan dalam daftar saham;

(v) Pemegang saham yang asal terus mempunyai tanggungan sehingga pindahan itu telah didaftarkan dalam Pertubuhan ini;

(vi) Pindahan itu tidak boleh didaftarkan sehingga permohonan yang ditandatangani oleh anggota yang memindah (transferor) dan anggota yang menerima pindahan (transferee) itu telah diterima oleh Jemaah Pengarah dan borang pindahan telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

23. Jemaah Pengarah bolehlah menolak sebarang permohonan bagi memindah saham-saham tanpa memberi sebab-sebabnya. Penolakan Dan Sekatan Atas Pindahan Saham

24. Semua surat-surat pindahan saham yang didaftarkan hendaklah disimpan oleh Pertubuhan ini. Sebarang surat pindah saham yang ditolak pendaftarannya oleh Jemaah Pengarah hendaklah dikembalikan kepada anggota yang memohon pindahan itu, melainkan jika Jemaah Pengarah mengesyaki sesuatu kepalsuan. Bayaran seperti yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa bolehlah dikenakan kerana pendaftaran pindahan saham-saham itu. Bayaran Kerana Mendaftarkan Pindahan

25. Saham-saham tidak boleh dikembalikan kepada Pertubuhan, kecuali dipindahkan mengikut Perkara 22, Perlembagaan ini atau diambil alih oleh Pertubuhan ini dari Kumpulan Wang Menebus Saham, jika ada. Saham-saham Tidak Boleh Dikembalikan Kepada Pertubuhan

**YURAN-YURAN**

26. Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 4/2008)

27. (i) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 4/2008)

(ii) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 4/2008)

(iii) Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 4/2008)

28. Dimansuhkan. Pindaan 2008 (AP: Bil. 4/2008)

**PINJAMAN LUAR DAN WANG PERTARUHAN**

29. Tertakluk kepada had kuasa setinggi-tinggi pinjaman dan setinggi-tinggi faedah yang dibayar atas pinjaman sebagai mana yang ditetapkan oleh Pendaftar, Pertubuhan ini bolehlah meminjam Kumpulan Wang bagi kegunaan perniagaannya daripada anggota-anggota dan bukan anggota. Tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh Pendaftar, Pertubuhan ini hendaklah menentukan dalam Mesyuarat Agung Tahunan had setinggi-tinggi pinjaman bersabit dengan pinjaman-pinjaman yang ada dan yang baharu, had ini bolehlah dipinda dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dengan syarat tidak lebih daripada had yang ditetapkan oleh Pendaftar. Had Pinjaman Luar

30. (i) Pertubuhan ini boleh menerima wang-wang pertaruhan dan wang simpanan daripada Wang-wang Pertaruhan

anggota-anggota dan bukan anggota tertakluk kepada aturan-aturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jemaah Pengarah dan dipersetujui oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

(ii) Pertubuhan ini hendaklah membuat simpanan wang tunai sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah wang-wang dan pertaruhan tetap dan wang-wang simpanan yang diterima daripada anggota-anggota dan bukan anggota dari semasa ke semasa. Wang-wang itu hendaklah disimpan di dalam bank-bank yang berdaftar di Negeri ini atau dibuat pelaburan dalam bon-bon Kerajaan Malaysia yang mana dapat ditunaikan dengan serta-merta jika dikehendaki.

**MESYUARAT AGUNG**

31. Maka kuasa yang tertinggi di dalam hal-ehwal Pertubuhan ini hendaklah terserah kepada Mesyuarat Agung. Kuasa Tertinggi

32. (i) Mesyuarat Agung hendaklah dibahagikan kepada 2 jenis — Jenis Mesyuarat Agung Dan Perjalanannya

(a) Mesyuarat Agung Tahunan;

(b) Mesyuarat Agung Luar Biasa.

(ii) Perjalanan Mesyuarat Agung hendaklah mengikut Peraturan 37 hingga 54 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983.

33. Tarikh dan tempat untuk diadakan sebarang Mesyuarat Agung itu hendaklah ditentukan oleh Jemaah Pengarah dengan syarat Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan ini hendaklah diadakan dalam kawasan pengendalian dan diadakan tidak lewat dari 30 haribulan November tiap-tiap tahun. Mesyuarat Agung Tahunan

34. Tugas-tugas dan tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan akan meliputi — Tugas-tugas Dan Tanggungjawab Mesyuarat Agung Tahunan Pindaan 2010 dan 2016 (AP : Bil.1/2010) dan (AP : Bil.1/2016)

(i) Memilih Ahli-ahli Jemaah Pengarah setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(ii) Mencalonkan dan memilih dua (2) orang Juruaudit Dalam setiap tiga (3) tahun sekali semasa Mesyuarat Agung;

(iii) Membentang dan Menerima Laporan Tahunan AJP Tahun Semasa;

(iv) Membentang Laporan Audit Dalam PP;

(v) Membentang dan menerima Laporan Audit dan Penyata Kewangan Tahunan;

(vi) Membentang, membincang dan memutuskan (jika berkenaan) perkara-perkara mengenai Transformasi Pertanian;

(vii) Membentang dan Meluluskan Pelan Perkhidmatan dan Belanjawan (termasuk program/projek berkaitan dengan Transformasi Pertanian) Tahun ………. dan kajian semula bagi Tahun Semasa (jika berkenaan);

(viii) Membentang dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Tahun ………. (jika berkenaan);

(ix) Membentang dan Menetapkan Had Pinjaman Luar dan Had Kuasa Melabur serta kelulusan penubuhan anak syarikat/perkongsian Bistari (jika berkenaan);

(x) Menimbang dan Meluluskan Perlantikan Juruaudit Luar;

(xi) Menimbang dan Membenarkan Pembelian atau Penjualan Harta Tetap;

(xii) Membentang dan Meluluskan Cadangan Hapuskira Hutang Lapuk;

(xiii) Membentang dan Meluluskan Cadangan Melupuskan Harta Tetap;

(xiv) Menetapkan elaun-elaun dan lain-lain bayaran kepada Jemaah Pengarah;

(xv) Membentangkan dan Meluluskan:
a. Usul-usul Dari Perwakilan
b. Usul dari Ahli Jemaah Pengarah PP

35. Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan ini hendaklah satu (1) bulan sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan — *Notis Mesyuarat Agung Tahunan*

(i) Mengeluarkan notis Mesyuarat Agung Tahunan kepada Pendaftar;

(ii) Memberitahu semua anggota yang layak mengundi akan tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu; dan

(iii) Meminta nama-nama wakil dan calon-calon Pengarah.

36. Jika Pendaftar tidak menerima notis Mesyuarat Agung Tahunan pada 1 haribulan November mengikut subperkara 35(i) Perlembagaan ini, ia boleh menjalankan kuasa-kuasa Pengerusi Jemaah Pengarah dan boleh — *Kuasa Pendaftar Mengadakan Mesyuarat Agung*

(i) Menetapkan satu (1) tarikh bagi Mesyuarat Agung Tahunan ini;

(ii) Memberitahu semua anggota-anggota yang layak mengundi 21 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu; dan

(iii) Mengarahkan Jemaah Pengarah supaya menyediakan anggaran belanjawan bagi tahun itu dan kenyataan kira-kira bagi tahun lalu.

37. Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah dipanggil oleh Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan ini apabila — *Mesyuarat Agung Luar Biasa*

(i) Difikirkan mustahak oleh Pendaftar;

(ii) Diminta dengan bertulis oleh majoriti Ahli-ahli Jemaah Pengarah;

(iii) Atas permintaan bersurat yang ditandatangani oleh sekurang kurangnya satu pértiga (⅓) daripada anggota-anggota yang tidak ingkar kepada Pertubuhan ini. Permintaan itu hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi. Di dalamnya disebutkan dengan tepat akan perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat yang dicadangkan; dan

(iv) Dikehendaki oleh Perlembagaan ini.

38. (i) Kuorum bagi mana-mana Mesyuarat Agung hendaklah sekurang-kurangnya separuh (½) daripada jumlah bilangan wakil-wakil dan Ahli Jemaah Pengarah; *Kuorum Mesyuarat Agung*

(ii) Apabila Mesyuarat Agung Tahunan itu tidak mempunyai kuorum, Mesyuarat Agung Tahunan itu hendaklah ditangguhkan kepada satu (1) tarikh yang tidak lewat dari dua (2) minggu dan mesyuarat yang ditangguhkan itu tidak perlu mempunyai kuorum dan boleh membincangkan perkara-perkara yang telah ditetapkan bagi mesyuarat awal itu; dan

(iii) Apabila Mesyuarat Agung Tahunan itu ditangguhkan maka Mesyuarat Agung Tahunan yang ditangguhkan itu jika tidak mempunyai kuorum, tidak ada kuasa memilih Ahli-ahli Jemaah Pengarah atau meminda Perlembagaan, dan Ahli-ahli Jemaah Pengarah yang masih bertugas akan terus memegang jawatan.

39. Pengerusi Jemaah Pengarah atau wakilnya hendaklah menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung dan lain-lain mesyuarat. Jika ia atau wakilnya tidak hadir, salah seorang daripada Ahli-ahli Jemaah Pengarah hendaklah dipilih untuk menjadi Pengerusi mesyuarat itu.

Pengerusi Mesyuarat Agung

40. (i) Tiap-tiap Anggota perwakilan dan Jemaah Pengarah yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat Pertubuhan ini hanya mempunyai satu (1) undi sahaja bagi satu-satu perkara dan tidak boleh mengambil sebarang keputusan yang bertentangan dengan Akta dan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang.

Kuasa Mengundi

(ii) Cara mengundi di dalam Pertubuhan ini akan dijalankan dengan apa-apa bentuk undi sulit. Kecuali dengan keputusan mengenai pengundian pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang mana hendaklah dijalankan secara sulit (secret ballot), lain-lain perkara seperti urusan perniagaan, pengurusan, perkara-perkara penubuhan atau pentadbiran pertubuhan ini, pengundian boleh dibuat dengan mengangkat tangan sahaja.

Warta P.U. (A) 211 bertarikh 17 Julai 2014

(iii) Jika terdapat persamaan undi, suatu cabutan undi hendaklah dibuat di hadapan pegawai yang mempengerusikannya.

## JEMAAH PENGARAH DAN WAKIL-WAKIL

41. (i) Pentadbiran hal-ehwal Pertubuhan ini hendaklah diserahkan kepada sebuah Jemaah Pengarah yang mengandungi 17 orang iaitu —

Pentadbiran Pertubuhan
Pindaan 2016
(AP : Bil 1/2016)

(a) 11 orang dipilih dari Mesyuarat Agung Tahunan

(b) Enam (6) orang dilantik oleh Menteri

Warta P.U. (A) 222 bertarikh 12 Ogos 2016

(ii) Tiap-tiap Pengarah mempunyai satu (1) undi sahaja. Jika didapati undi sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

42. Seseorang Ahli Jemaah Pengarah yang dipilih di bawah Perkara 43 boleh berkhidmat bagi tempoh-tempoh berikut —

Tempoh Berkhidmat
Pindaan 2016
(AP : Bil.1/2016)

(a) selama tempoh tiga (3) tahun;

(b) tempoh maksimum pemegangan jawatan adalah selama tiga (3) penggal (sembilan tahun);dan

(c) tidak boleh dipilih semula selepas tamat tempoh di subperkara 42 (b) selama satu (1) penggal (tiga tahun)

43. (i) Pengerusi Jemaah Pengarah hendaklah dipilih antara Ahli-ahli Jemaah Pengarah dengan syarat ia mendapat undi yang terbanyak dalam Mesyuarat Jemaah Pengarah yang pertama; Lantikan Pengerusi

(ii) Pendaftar atau wakilnya boleh mempengerusikan atau melantik Pengerusi sementara untuk mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Pengarah yang pertama;

(iii) Tiada mana-mana Pengerusi Jemaah Pengarah boleh digugurkan dari jawatannya melainkan telah dirujuk terlebih dahulu kepada Pendaftar

44. Tugas-tugas Pengerusi, antara lain-lain, hendaklah — Tugas Pengerusi

(i) Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Pengarah, Mesyuarat Agung dan lain-lain mesyuarat;

(ii) Menjadi wakil bagi Pertubuhan ini dalam semua urusan rasmi Pertubuhan;

(iii) Menandatangani dokumen-dokumen, kontrak-kontrak dan lain-lain surat yang penting yang diperlukan dalam Perlembagaan ini.

(iv) Semasa ketiadaan Pengerusi dalam suatu tempoh 30 hari atau lebih atau atas sebab tidak berada dalam kawasan, kesihatan atau ketidakupayaan sementara bagi menjalankan tugas Pengerusi, Mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah memilih seorang Ahli Jemaah Pengarah bagi memangku tugas-tugas dan menjalankan tugas-tugas Pengerusi sehingga Pengerusi kembali atau pulih dari ketidakupayaannya.

45. Seorang Pengarah itu — Larangan Kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah

(i) Tidak boleh menerima gaji dari Pertubuhan ini;

(ii) Tidak boleh memegang jawatan rasmi di mana-mana Pertubuhan yang mempunyai tugas-tugas dan kepentingan yang bersaingan dengan perniagaan atau gerakan Pertubuhan ini, kecuali dalam jawatan-jawatan unit-unit anggota;

(iii) Dimansuhkan. Pindaan 2015 (AP: Bil.5/2015)

46. Seorang Pengarah hendaklah berhenti daripada memegang jawatan jika ia — Berhenti Daripada Jemaah Pengarah

(i) Menjadi seorang muflis;

(ii) Dihukum di atas kesalahan jenayah, kecurangan, atau kerana akhlak yang tidak baik;

(iii) Tidak hadir dalam tiga mesyuarat Jemaah Pengarah berturut-turut tanpa kebenaran atau sebab-sebab yang munasabah;

(iv) Berhenti menjadi Anggota atau dipecat daripada menjadi Anggota Pertubuhannya;

(v) Kehilangan akal, atau gila, atau kurang siuman;

(vi) Cuai menjalankan tanggungjawab seperti membayar modal sahamnya, tidak menjelaskan pinjaman dan lain-lain;

(vii) Menjalankan kegiatan-kegiatan atau perniagaan-perniagaan yang bersaingan dengan kegiatan-kegiatan atau perniagaan Pertubuhan ini ataupun menjalankan pekerjaan lain yang difikirkan akan merosakkan Pertubuhan ini;

(viii) Kewarganegaraannya ditarik balik oleh Kerajaan;

(ix) Meletakkan jawatan sebagai Ahli Jemaah Pengarah secara bertulis; dan

(x) Tidak menghadiri Kursus Mandatori Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang selepas dipilih sebagai Ahli Jemaah Pengarah dalam tempoh satu (1) tahun.

Pengarah Kena Beri Keterangan Jika Punyai Faedah Dalam Suatu Kontrak

47. (i) Seseorang Pengarah yang mempunyai sesuatu faedah atau bercadang mencari faedah di dalam sesuatu kontrak yang telah dicadangkan hendak dibuat ataupun masih difikirkan hendak dibuat oleh Jemaah Pengarah Pertubuhan ini, hendaklah menerangkan segala cara-cara faedahnya itu;

(ii) Keterangan-keterangan yang dibuat di bawah subperkara 47 (i) itu hendaklah dituliskan di dalam butir-butir Mesyuarat Jemaah Pengarah dan selepas itu Pengarah itu tidaklah boleh mengambil bahagian di dalam apa-apa rundingan atau keputusan Jemaah Pengarah berkenaan dengan kontrak itu dan kehadirannya itu tidaklah dikira bagi memenuhi kuorum Mesyuarat Jemaah Pengarah bagi menjalankan rundingan atau membuat apa-apa keputusan di dalam perkara ini.

Mengisi Kekosongan Dalam Jemaah Pengarah

48. (i) Jika kekosongan itu dari jawatan Pengarah yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Pengerusi hendaklah memberitahu kekosongan itu kepada Pendaftar;

(ii) Jika kekosongan itu dari jawatan Pengarah yang dilantik oleh Menteri, Pendaftar akan memohon kepada Menteri untuk melantik seorang penggantinya; dan

(iii) Jika kekosongan itu dari Jawatan Pengarah yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan, maka calon yang menerima undi yang tinggi sekali dalam senarai pemilihan yang telah lalu hendaklah diterima sebagai penggantinya.

Tugas-tugas Jemaah Pengarah

49. Jemaah Pengarah akan bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung bagi merancang, menyusun dan melaksanakan rancangan-rancangan, kegiatan-kegiatan dan kerja-kerja mengikut dasar dan keputusan yang ditetapkan dalam Mesyuarat Agung. Tugas-tugas bagi Jemaah Pengarah adalah seperti berikut—

(i) Menimbangkan dan meluluskan permohonan pemberhentian atau pemecatan anggota;

(ii) Menerima atau menamatkan perkhidmatan pegawai-pegawai atau kakitangan serta menetapkan gaji atau bayaran–bayaran yang hendak dibayar kepada mereka itu;

(iii) Mengkaji laporan-laporan perkhidmatan tahunan dan kewangan dan membentangkan kepada Mesyuarat Agung;

(iv) Mengkaji rancangan perkhidmatan tahunan dan belanjawan tahunan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(v) Mengkaji dan membincangkan rancangan-rancangan perkhidmatan dan laporan kewangan bulanan;

(vi) Mengkaji laporan-laporan dan penyata kewangan beraudit yang telah diperiksa oleh Juru Audit dan membentangkannya kepada Mesyuarat Agung;

(vii) Mengkaji cadangan-cadangan pembelian dan penjualan harta-harta untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(viii) Mengkaji dan memberi kebenaran kepada Pengurus Besar atau Pengerusi Jemaah Pengarah untuk memborong, membuat kontrak dan lain-lain urusan

bagi pihak Pertubuhan ini, tertakluk kepada Perkara 59;

(ix) Mencadang dan mengkaji pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Pertubuhan ini untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(x) Mengaturkan mesyuarat-mesyuarat dan menyediakan perkara-perkara untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung;

(xi) Mengemukakan dokumen-dokumen dan laporan-laporan yang sah kepada Pendaftar untuk pertimbangan;

(xii) Mengeluarkan saham-saham baru dan menjalankan kutipan ansuran-ansuran saham;

(xiii) Melantik jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau pakar-pakar bagi membantu Jemaah Pengarah;

(xiv) Menerima pelantikan Pengurus Besar dan/atau pekerja yang dipinjamkan/ditempatkan oleh Lembaga/Kerajaan; dan

(xv) Membuat peraturan-peraturan kecil dengan syarat mendapat kelulusan Mesyuarat Agung dan Pendaftar.

Bayaran Kepada Jemaah Pengarah

50. (i) Perkhidmatan Jemaah Pengarah hendaklah secara kehormat dan tidaklah dibayar apa-apa gaji kepada mereka, kecuali bayaran honorarium seperti subperkara 64(ii)(c) Perlembagaan ini yang dipersetujui dan diluluskan oleh Anggota-Anggota dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Bagi menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jemaah Pengarah, Jawatankuasa Kecil dan lain-lain mesyuarat Pertubuhan ini, Pengarah itu bolehlah dibayar tambang dan elaun seperti yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa.

(ii) Pertubuhan ini tidak membayar apa-apa perbelanjaan selain daripada tambang kepada wakil-wakil kerana menghadiri Mesyuarat Agung Pertubuhan ini.

Kuorum Dan Perjalanan Mesyuarat Jemaah Pengarah Tidak Terbatal

51. (i) Mesyuarat Jemaah Pengarah hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan;

(ii) Kuorum bagi sesuatu Mesyuarat Jemaah Pengarah ialah lapan (8) daripada bilangan anggota-anggotanya;

(iii) Perjalanan Mesyuarat Jemaah Pengarah jika ada kuorumnya tidak akan terbatal oleh kerana —

(a) Ada sebarang kekosongan dalam keanggotaan Jemaah itu;

(b) Ada terdapat sebarang kesilapan mengenai pemilihan atau pelantikan seorang Pengarah;

(c) Ada terdapat sebarang kesilapan yang kecil mengenai perjalanan mesyuarat itu; atau

(d) Ada kehadiran atau penyertaan seseorang yang tidak layak menghadiri atau menyertai mesyuarat itu.

(iv) Jika Pengerusi sesuatu mesyuarat tidak hadir, maka Ahli-ahli Jemaah Pengarah yang

hadir boleh, jika kuorum mencukupi, melantik seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

52. (i) Jumlah Wakil-wakil Negeri untuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan hendaklah seperti yang berikut — *Bilangan Wakil-wakil Pindaan 2016 (AP : Bil.2/2016)*

(a) Bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan anggotanya melebihi lima ribu orang-

(i) Lima (5) orang Wakil-wakil Negeri bagi lima ribu orang anggota pertama; dan

(ii) Dua (2) orang Wakil-wakil Negeri bagi setiap lima ribu anggota yang berikutnya; atau bagi setiap anggota yang berikutnya yang kurang daripada lima ribu orang; atau

(b) Bagi Pertubuhan Peladang Negeri yang bilangan anggotanya kurang daripada lima ribu orang, lima (5) orang Wakil-Wakil Negeri.

(ii) Jumlah Wakil-wakil Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam subperkara 52(i) hendaklah —

(a) Termasuk Pengerusi Jemaah Pengarah bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan

(b) Tidak melebihi 51 orang bagi setiap Pertubuhan Peladang Negeri; dan

(iii) Penentuan bilangan anggota yang layak untuk menentukan jumlah Wakil-wakil Unit, Wakil-wakil Kawasan atau Wakil-wakil Negeri adalah sebelum 30 haribulan April bagi satu pemilihan hendak diadakan.

53. Pencalonan dan pemilihan Pengarah-pengarah hendaklah mengikut syarat-syarat dalam Perlembagaan dan Peraturan-peraturan. *Syarat-syarat Pemilihan Wakil-wakil Dan Pengarah-pengarah*

**PENGURUS BESAR**

54. (i) Sekiranya Lembaga tidak menempatkan atau meminjamkan Pengurus Besar dari semasa ke semasa, Jemaah Pengarah dengan kelulusan Pendaftar bolehlah melantik dan memberhentikan Pengurus Besar bagi Pertubuhan ini dengan syarat-syarat yang tertentu mengenai tempoh perkhidmatan, gaji, kuasa, kerja-kerja, elaun dan lain-lain kemudahan yang difikirkan patut. Jemaah Pengarah dengan kelulusan Pendaftar bolehlah dari semasa ke semasa meminda syarat-syarat mengenai lantikan Pengurus Besar ini dengan syarat tidaklah diberi kepada Pengurus Besar itu kuasa dan kerja-kerja yang mana Jemaah Pengarah sendiri tidak dibenarkan menjalankan; *Pengurus Besar*

(ii) Pengurus Besar hendaklah menjadi Setiausaha kepada Mesyuarat Jemaah Pengarah;

(iii) Bahagian-bahagian pergerakan boleh ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan Pertubuhan ini seperti mana yang diarahkan oleh Pendaftar.

## TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS BESAR

Tugas-tugas Dan Kewajipan Pengurus Besar

55. (i) Pengurus Besar Pertubuhan ini akan bekerja sepenuh masa dan akan bertanggungjawab kepada Jemaah Pengarah dalam menguruskan semua perniagaan dan pergerakan Pertubuhan mengikut dasar dan keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Agung Perwakilan atau Jemaah Pengarah Pertubuhan. Tugas-tugas dan tanggungjawab Pengurus Besar adalah seperti berikut —

(a) Menguruskan semua perniagaan dan kegiatan-kegiatan pertubuhan;

(b) Memberi syor atau pandangan kepada Jemaah Pengarah jumlah pekerja yang dikehendaki atau yang hendak dibuang;

(c) Menyelia dan memimpin pekerja-pekerja yang bekerja dengan pertubuhan;

(d) Mengesyorkan kepada Jemaah Pengarah jumlah gaji, elaun atau saguhati yang patut dibayar kepada pekerja-pekerja Pertubuhan;

(e) Mengesyorkan kepada Jemaah Pengarah tentang kenaikan pangkat, penurunan pangkat, membahagikan atau menukarkan kerja-kerja pekerja Pertubuhan;

(f) Menyediakan rancangan-rancangan urusan perniagaan dan belanjawan bulanan dan perbelanjaan tahunan Pertubuhan dan mengemukakan untuk persetujuan Jemaah Pengarah;

(g) Menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan bulanan dan tahunan, penyata urusan-urusan perniagaan bulanan dan tahunan serta penyata kewangan Pertubuhan dan mengemukakan untuk persetujuan oleh Jemaah Pengarah;

(h) Menyediakan penyata belanjawan dan perkhidmatan untuk Jemaah Pengarah bagi dikemukakan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan; dan

(i) Menjalankan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung Perwakilan.

(ii) Laporan-laporan dan dokumen-dokumen hendaklah disiapkan oleh Pengurus Besar dalam tempoh berikut —

(a) Rancangan perkhidmatan tahunan dan belanjawan pendapatan dan perbelanjaan pembahagian perkembangan untuk tahun hadapan disediakan sebelum akhir bulan Oktober;

(b) Rancangan perkhidmatan tahunan dan anggaran perbelanjaan pendapatan tahun hadapan bagi bahagian-bahagian kredit dan ekonomi disediakan sebelum akhir bulan Oktober;

(c) Laporan perkhidmatan tahunan dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi Tahun lepas bagi bahagian perkembangan disediakan sebelum akhir bulan Februari;

(d) Laporan perkhidmatan tahunan dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun lepas bagi bahagian kredit dan ekonomi sebelum akhir bulan Februari;

(e) Penyata kewangan beraudit yang telah disatukan bagi tahun lepas dan penyata harta benda Pertubuhan bagi tahun yang lepas sebelum akhir bulan Februari;

(f) Jadual perlaksanaan perkhidmatan tahunan dan laporan bulanan tiap-tiap bulan.

56. (i) Semua pekerja Pertubuhan ini akan bekerja sepenuh masa. Mereka tidak boleh memegang jawatan lain dalam masa perkhidmatan seperti jawatan-jawatan lain di syarikat-syarikat ataupun badan-badan perusahaan, dan mereka juga tidak dibenarkan memegang jawatan yang bergaji di mana-mana pertubuhan;

Lain-lain Tanggungjawab Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan Pekerja

(ii) Pengurus Besar atau pekerja yang bertugas akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pertubuhan ini akibat dari kecuaian mereka;

(iii) Wang simpanan anggota-anggota tidak boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain tanpa kebenaran Jemaah Pengarah. Sekiranya ada kekurangan, Pengurus Besar dan pekerja yang terlibat dalam urusan kewangan akan bertanggungjawab memenuhi kekurangan untuk dibayar balik kepada Anggota;

(iv) Pertubuhan ini tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang tidak mendapat keputusan Mesyuarat Jemaah Pengarah. Jika kerugian itu disebabkan oleh urusan-urusan yang dilaksanakan mengikut keputusan Jemaah Pengarah yang bertentangan dengan undang-undang, Peraturan-peraturan dan Perlembagaan atau tidak mengikut kehendak-kehendak Pertubuhan ini, Pengurus Besar dan Ahli-ahli Jemaah Pengarah akan bertanggungjawab bersama atas pembayaran balik atas kerugian-kerugian itu.

## PENYELENGGARAAN KIRA-KIRA DAN RESIT-RESIT

57. (i) Kira-kira wang Pertubuhan ini hendaklah diselenggarakan oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa;

Penyelenggaraan kira-kira

(ii) Cek Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah, Pengurus Besar dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah atau dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa.

58. Resit-resit yang dikeluarkan kerana wang yang dibayar kepada Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pegawai atau Pekerja yang dilantik oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa.

Resit-resit

## SURAT-SURAT PERJANJIAN, GADAIAN DAN LAIN-LAIN

59. Segala surat-surat perjanjian, gadaian, pindahmilik, sewa tanah dan lain-lain surat *(instruments)* yang sedemikian yang diperbuat bagi pihak Pertubuhan ini selain daripada sebarang surat *(instruments)* yang dimeteraikan dengan mohor Pertubuhan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah dan dua (2) orang Pengarah yang telah diberi kuasa oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa.

Kuasa Menandatangani Surat Perjanjian, Gadaian Dan Lain-lain

## PERJANJIAN DAN SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN

60. (i) Jemaah Pengarah boleh menetapkan bahawa tiap-tiap anggota yang mendapat kredit pertanian bagi satu-satu tujuan pengeluaran pertanian daripada Pertubuhan ini supaya mengikat satu perjanjian bertulis dengan Pertubuhan ini supaya melupuskan kesemua atau apa-apa amaun, kadar atau jenis tertentu daripada hasil pertaniannya melalui Pertubuhan ini untuk dipasarkan atau diproseskan;

Perjanjian Antara Anggota Dan Pertubuhan Dan Syarat-syaratnya

(ii) Sebarang pelanggaran terhadap perjanjian yang tersebut dalam subperkara 60 (i) Perlembagaaan ini hendaklah menyebabkan anggota itu dikenakan denda sebagaimana yang disyaratkan di dalam perjanjian. Denda yang demikian itu hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Rezab; dan

(iii) Pertubuhan dan anggota hendaklah dikecualikan dan terlepas buat sementara daripada tanggungan-tanggungan yang ditentukan oleh subperkara 60(i) dan (ii) jika Pertubuhan ini digantung ataupun dibubarkan.

61. (i) Daripada pendapatan jualan-jualan hasil pengeluaran Pertubuhan ini hendaklah ditolak —

Pendapatan Jualan-jualan

(a) Semua perbelanjaan yang berlaku kerana memasarkan hasil pengeluaran;

(b) Komisyen di atas baki setelah ditolak perbelanjaan di atas sebagaimana yang ditentukan oleh Jemaah Pengarah;

(c) Disyaratkan iaitu sekiranya, setelah ditolak perbelanjaan di dalam subperkara 61 (i) (a) dan komisyen di dalam subperkara 61 (i) (b), wang yang berbaki itu adalah mencukupi, maka bolehlah Jemaah Pengarah mengikut timbangannya menolak daripada baki itu segala wang atau sebahagian daripadanya yang terhutang oleh anggota-anggota kepada Pertubuhan ini kerana pembelian barang-barang keperluan daripada Pertubuhan ini oleh anggota dan/ atau ansuran-ansuran bagi pinjaman yang diberi serta faedah di atasnya.

(ii) Baki kemudian daripada itu hendaklah dibayar kepada anggota pada masa-masa yang ditetapkan oleh Jemaah Pengarah.

62. Semua jualan-jualan kepada anggota hendaklah dengan tunai. Jemaah Pengarah boleh membenarkan jualan berhutang dengan syarat —

Jualan Kepada Anggota-anggota

(i) Hutang itu tidak lebih dari jumlah wang pertaruhan anggota, dan/atau;

(ii) Hutang itu ditetapkan setinggi-tinggi hadnya oleh Jemaah Pengarah mengikut kemampuan dan tanggungan anggota dengan syarat pembayaran kembali hendaklah mengikut Perkara 61.

## TAHUN KEWANGAN DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

63. Maka tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bermula pada 1 haribulan Januari dan berakhir pada 31 haribulan Disember.

Tahun Kewangan

64. (i) Daripada keuntungan bersih tahunan yang diperolehi oleh Pertubuhan ini pada tiap-tiap tahun, maka dua puluh lima peratus (25%) atau kurang darinya sebanyak mana yang ditetapkan oleh Pendaftar hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang

Pembahagian Keuntungan

Rezab;

(ii) Maka baki daripadanya itu setelah ditolak tidak lebih dari dua peratus (2%) atau maksima Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) (yang mana yang kurang) untuk Kumpulan Wang Yayasan Pelajaran Peladang, NAFAS, boleh dibahagikan kepada satu atau lebih kegunaan sebagaimana berikut mengikut timbangan Mesyuarat Agung Tahunan. Pindaan 1997 (AP : Bil.2/1997)

(a) Pembayaran dividen atau dividen naungan kepada anggota-anggota dan unit-unit anggota;

(b) Pembayaran bonus kepada pekerja-pekerja;

(c) Pembayaran honorarium kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah;

(d) Tidak lebih dua puluh peratus (20 %) sebagai bayaran hadiah atas langganan kepada anggota-anggota;

(e) Sumbangan kepada Kumpulan Wang Menebus Saham;

(f) Mengadakan Kumpulan-kumpulan Wang yang dipersetujui oleh Mesyuarat Agung dan yang dipersetujui oleh Pendaftar atau diarahkan oleh Pendaftar; dan

(g) Apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan dalam Perlembagaan ini atau kaedah-kaedah Pertubuhan Peladang.

(iii) Pendaftar boleh menghadkan amaun honorarium untuk dibayar kepada Ahli-ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang;

(iv) Tiada Pertubuhan Peladang boleh membayar dividen atas saham-saham lebih daripada sepuluh peratus (10%) tanpa kelulusan Pendaftar;

(v) Pembayaran ke dalam suatu Kumpulan-kumpulan Wang tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada baki keuntungan bersih selepas dibuat pembayaran ke dalam Kumpulan Wang Rezab;

(vii) Maka tidak boleh keuntungan-keuntungan itu dibahagi-bahagikan sehingga kira-kira itu telah diaudit dan disahkan oleh Juruaudit dan dipersetujui oleh Pendaftar; dan

(viii) Bahagian-bahagian untung kepada sebarang anggota itu boleh digunakan untuk bayaran hutang anggota-anggota itu atau dimasukkan ke dalam kira-kira saham anggota-anggota yang berkenaan itu dengan persetujuannya.

## KUMPULAN WANG

65. (i) Kumpulan Wang Rezab tidak boleh dibahagi-bahagikan dan tidak sesiapa pun berhak menuntut bahagian tertentu di dalamnya; Kumpulan Wang Rezab

(ii) Tertakluk kepada kelulusan Pendaftar, Kumpulan Wang Rezab boleh digunakan untuk menampung kerugian-kerugian yang ditanggung oleh Pertubuhan ini.

66. Tertakluk kepada subperkara 65(ii) Perlembagaan ini maka Kumpulan-kumpulan Wang Pertubuhan ini hendaklah digunakan terutamanya bagi memajukan perjalanan Pertubuhan ini atau disimpan dalam sebarang bank yang dipersetujui oleh Pendaftar atau diperniagakan (invest) mengikut syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan dan Menggunakan Kumpulan-kumpulan Wang

Perlembagaan ini.

67. Kira-kira dan buku-buku hendaklah disimpan mengikut seperti yang diatur oleh Pendaftar iaitu Manual Perakaunan Pertubuhan Peladang. Penyediaan penyata kewangan hendaklah mengikut syarat-syarat dalam Peraturan-peraturan. Kira-kira Dan Buku-buku

68. Segala buku-buku Pertubuhan ini, Laporan Audit dan Penyata Kewangan yang akhir hendaklah dibuka untuk pemeriksaan anggota-anggota dengan percuma pada bila-bila masa di alamat Pertubuhan ini. Maka tidak dibenarkan sesiapa pun juga melihat kira-kira pertaruhan anggota-anggota yang lain melainkan dengan kebenaran yang bertulis dari mereka berkenaan. Pemeriksaan Buku-buku Oleh Anggota-anggota

**MOHOR**

69. Pertubuhan ini hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidaklah boleh dimeteraikan ke atas sebarang surat *(instrument)* melainkan dengan keputusan Jemaah Pengarah dan berhadapan Pengerusi Jemaah Pengarah dan seorang Pengarah yang dilantik oleh Jemaah Pengarah bagi maksud itu hendaklah ditandatangani oleh mereka berdua itu. Mohor

**PERBALAHAN**

70. Semua perbalahan bersabit dengan perjalanan Pertubuhan ini hendaklah dirujukkan kepada Pendaftar untuk diselesaikan mengikut Peraturan-peraturan. Perbalahan

**PEMBUBARAN**

71. Pertubuhan ini hanya boleh dibubarkan dengan perintah Pendaftar mengikut Peraturan-peraturan. Apabila Pertubuhan ini dibubarkan, harta-hartanya hendaklah digunakan mengikut Peraturan-peraturan. Pembubaran

**AM**

72. Anggota-Anggota hendaklah memberitahu kepada Pengerusi Jemaah Pengarah segala perubahan dengan alamatnya. Semua surat-surat notis yang dihantar atau dikirimkan kepada alamat yang terakhir hendaklah dianggap sudah disampaikan. Alamat Anggota-anggota

73. Sebarang wang yang telah sampai tempoh di atas kira-kira Pertubuhan ini kepada sebarang anggota atau anggota yang telah lalu atau mereka yang dituntut menerusi anggota itu boleh ditolak buat bayaran seberapa banyak wang yang anggota itu berhutang kepada Pertubuhan ini. Penyelarasan Hutang Di Antara Anggota Dengan Pertubuhan

74. (i) Minit-minit Mesyuarat Agung Pewakilan dan Jemaah Pengarah hendaklah diselenggarakan dengan sempurna dan lengkap dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Pengurus Besar; Minit Mesyuarat

(ii) Satu salinan minit mesyuarat tersebut hendaklah dihantar kepada Pendaftar dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat-mesyuarat tersebut.

75. Tertakluk kepada kebenaran Pendaftar, maka hendaklah Pertubuhan ini dengan Menjadi Anggota Kepada Lain-lain

maksud hendak memajukan tujuan-tujuan masuk menjadi anggota lain-lain Pertubuhan di Malaysia atau luar negeri hendaklah membayar daripada kumpulan wang segala bayaran-bayaran dan lain-lain yuran seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan Pertubuhan yang berkenaan. Pertubuhan

**AKTA, PERATURAN-PERATURAN DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN**

76. Pindaan-pindaan kepada Perlembagaan ini hendaklah mengikut Peraturan-peraturan. Pindaan Perlembagaan

77. (i) Perlembagaan ini adalah tertakluk kepada dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Akta dan Peraturan-peraturan dengan syarat bahawa jika ada apa-apa perselisihan di antara Perlembagaan ini dengan Akta atau Peraturan-peraturan, Akta dan Peraturan-peraturan hendaklah dipakai. Perlembagaan Hendaklah Mengikut Akta Dan Peraturan-peraturan

(ii) Tidak ada tambahan atau perubahan kepada Perlembagaan ini boleh dibuat tanpa kebenaran Pendaftar terlebih dahulu.

Diakui sah:

..........................................

Pengerusi

..................................... ...................................

Ahli Jemaah Pengarah Ahli Jemaah Pengarah